

BAB IV

HUBUNGAN EKONOMI

4.0 PENGENALAN

Daerah Limbang memainkan peranan penting sebagai pembekal barang makanan mentah khususnya sumber perikanan dan pertanian kepada Negara Brunei Darussalam. Eksport bagi sumber perikanan dari daerah Limbang ke Negara Brunei Darussalam yang direkodkan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia, Bahagian Limbang di Stesen Kastam Tedungan pada tahun 1996 bernilai RM104,740.00.¹ Pada tahun 1998 nilai eksport sumber perikanan tersebut telah meningkat sebanyak 78.2% menjadikan jumlahnya RM186,650.00. Sementara itu, nilai eksport bagi hasil pertanian (sayur-sayuran dan buah-buahan) berjumlah RM31,713.00 pada tahun 1996.² Nilai eksport tersebut telah meningkat sebanyak 154% pada tahun 1998 menjadikan jumlahnya RM80,544.00.

Peningkatan dalam nilai eksport sumber perikanan dan hasil pertanian di atas adalah kerana permintaan yang tinggi dan berterusan terhadap kedua-dua jenis barang makanan mentah tersebut daripada pengguna-pengguna di Negara Brunei Darussalam. Perlu dijelaskan, selain daerah Limbang penduduk Negara Brunei Darussalam turut mendapatkan bekalan sumber perikanan dan hasil

pertanian dari daerah Miri, Lawas, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah.

Perangkaan eksport sumber perikanan dan pertanian dari daerah Limbang ke Negara Brunei Darussalam yang dicatatkan oleh Stesen Kastam Tedungan di atas hanya mengambil kira aktiviti perdagangan yang dilakukan melalui jalan darat sahaja. Di daerah Limbang, sejumlah besar pembekalan barangan keperluan harian tersebut khususnya sumber perikanan basah adalah tidak melalui saluran rasmi. Hal ini berlaku kerana sumber perikanan yang didaratkan oleh nelayan-nelayan tempatan telah dibeli oleh peraih-peraih dari KABD di tengah laut lagi. Dalam pada itu, ramai pembeli dari KABD yang sering berulang-alik ke Bandar Limbang telah menggunakan jalan air tanpa melalui pos-pos imigresen yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Dengan demikian, maklumat tentang kuantiti, jenis dan harga barang-barang yang dibawa masuk ke Negara Brunei Darussalam dengan menggunakan jalan air sebahagian besarnya tidak dapat direkodkan dalam buku laporan tahunan Negeri Sarawak.

Permintaan berterusan rakyat Negara Brunei Darussalam terhadap barangan keperluan harian dari daerah Limbang sebenarnya disebabkan oleh keadaan Negara Brunei Darussalam itu sendiri. Negara Brunei Darussalam berkeluasan 5,765 km persegi mempunyai jumlah penduduk seramai 305,100 orang pada tahun 1996.³ Sebagai sebuah negara kecil yang kaya dengan sumber petroleum dan gas

asli, ekonomi negara ini sangat bergantung kepada industri berasaskan perlombongan kedua-dua bahan api tersebut.

Pada tahun 1996, sumber petroleum dan gas asli merupakan 99% daripada keseluruhan eksport Negara Brunei Darussalam. Hasil eksport bagi kedua sumber tersebut telah menyumbang sebanyak 36% daripada jumlah Keluaran Negara Kasar (KNK) negara itu.⁴ Secara purata, pengeluaran sumber petroleum adalah sebanyak 162,050 tong sehari dan gas asli berjumlah 31.76 juta *cubic metres* sehari pada tahun 1997.⁵ Hasil pengeluaran sumber petroleum dan gas asli yang banyak telah menarik kira-kira 40% daripada jumlah gunatenaga Negara Brunei Darussalam untuk terlibat dalam sektor berkenaan.⁶

Selain terlibat dalam ekonomi berasaskan perlombongan petroleum dan gas asli, rakyat Negara Brunei Darussalam sangat gemar bekerja dalam sektor perkhidmatan awam. Pada masa kini sebanyak 42% daripada rakyat Negara Brunei Darussalam telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei.⁷ Bekerja di sektor perkhidmatan awam bukan sahaja dianggap mudah dan menjanjikan pendapatan yang tetap, malah dapat menikmati pelbagai kemudahan serta insentif yang diberi oleh pihak kerajaan. Menurut Lim Jock Seng:

"In fact the majority of the economically active adults and school children preferred to join Government Departments, even though they could get comparable salaries in the private sector. There were many reasons for this preference. Employment in the Government

Service meant excellent working conditions and public holidays in it amounted to about 28 days a year. The retirement age was 55 with a gratuity and non-contributory pension. Employees in the lower scales got 24 days a year paid leave rising to 60 days a year for the top civil servants, again one was entitled to 10 days local leave with air passage to Mecca, and a Senior Officer to a round the world trip after ten years service. In addition, an officer was entitled to an interest-free car loan and a house loan at about 1/2% interest."⁸

Oleh kerana sebilangan besar penduduk Negara Brunei Darussalam terlibat dalam dua sektor pekerjaan di atas, golongan yang terlibat dalam sektor perikanan dan pertanian adalah sangat kecil. Ini terbukti apabila didapati bilangan mereka yang bekerja sebagai nelayan dan petani tidak mencapai 10% daripada jumlah penduduk negara itu.⁹ Keadaan di sektor perikanan adalah lebih serius apabila setelah dihalusi kesemua nelayan yang beroperasi adalah nelayan artisanal¹⁰ dan 72% daripada jumlah keseluruhan nelayan di Negara Brunei Darussalam menjalankan aktiviti perikanan secara sambilan.¹¹ Sektor pertanian hanya menyumbang sebanyak 5.0% daripada jumlah KNK Negara Brunei Darussalam.¹² Manakala sektor perikanan menyumbang sebanyak 0.2% sahaja daripada jumlah KNK negara itu.¹³

Keadaan di atas menyebabkan jumlah pengeluaran makanan di Negara Brunei Darussalam adalah rendah dan tidak dapat memenuhi keperluan domestik. Umpamanya, pada tahun 1994 bekalan ikan tempatan hanya memenuhi kira-kira 14% daripada jumlah keperluan Negara Brunei Darussalam.¹⁴ Manakala pada tahun 1997,

bekalan padi dan buah-buahan masing-masing hanya memenuhi 3.0% dan 10% daripada jumlah keperluan negara tersebut.¹⁵

Bagi mengatasi masalah kekurangan bekalan makanan, Negara Brunei Darussalam telah mengimport hasil perikanan dan pertanian dari negeri-negeri jiran seperti yang telah dinyatakan di atas. Sarawak umpamanya, pada tahun 1999 telah mengeksport hasil perikanan ke Negara Brunei Darussalam sebanyak 106.53 tan metrik bernilai RM1,002,243.¹⁶ Manakala nilai eksport hasil pertanian termasuk sayur-sayuran dan buah-buahan yang dicatatkan ke destinasi yang sama adalah sebanyak RM584,748.¹⁷

Permintaan terhadap sumber perikanan dan hasil pertanian dari Negara Brunei Darussalam telah membuka peluang kepada orang-orang Melayu Brunei di KSK khususnya golongan nelayan dan peniaga untuk meraih keuntungan lumayan. Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, hubungan ekonomi di antara orang-orang Melayu Brunei di KSK dengan orang-orang Melayu Brunei di KABD dilakukan melalui jalan air tanpa mengikut pintu kawalan masuk yang ditetapkan oleh pihak pemerintah. Menurut anggaran pihak Jabatan Imigresen Sarawak Bahagian Limbang, pada tahun 2000 secara purata seramai 62 orang Melayu Brunei dari KABD masuk ke daerah Limbang melalui jalan air dalam sehari.¹⁸ Jumlah kemasukan orang-orang Melayu Brunei dari KABD ke daerah Limbang meningkat sehingga lebih 100 orang pada setiap hari Jumaat dan hari-hari kelepasan am.¹⁹

Selain melalui jalan air, penduduk Negara Brunei Darussalam juga masuk ke Bandar Limbang menggunakan jalan darat. Dengan adanya kemudahan jalan raya, bilangan orang Brunei yang berulang-alik ke Bandar Limbang dengan menggunakan kereta semakin meningkat dari tahun ke tahun. Umpamanya pada tahun 1996, bilangan kereta dari Negara Brunei Darussalam yang masuk ke daerah Limbang yang direkodkan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia di Stesen Kastam Tedungan adalah sebanyak 46,280 buah. Jumlah tersebut telah meningkat kepada 103,376 buah pada tahun 1997 iaitu peningkatan sebanyak 123%.²⁰ Bilangan kereta dari Negara Brunei Darussalam yang masuk ke daerah Limbang terus meningkat kepada 109,063 buah pada tahun 1998 iaitu peningkatan sebanyak 6% berbanding tahun sebelumnya.²¹


Kemasukan lebih ramai pengguna dari Negara Brunei Darussalam untuk mendapatkan bekalan barang keperluan harian di Bandar Limbang telah menggalakkan aktiviti perniagaan di Pasar Tamu Limbang. Pasar Tamu Limbang telah menjadi *growth pole* yang mewujudkan bidang-bidang perdagangan, perindustrian, pelancongan dan pengangkutan di Bandar Limbang. Kehadiran pengguna-pengguna dari Negara Brunei Darussalam dan perkembangan yang berlaku di *growth pole* telah mempengaruhi pekerjaan orang-orang Melayu Brunei di KSK.

4.1 PEKERJAAN PENDUDUK KSK

Komposisi pekerjaan utama ketua-ketua keluarga di KSK pada tahun 2001 ditunjukkan dalam Gambar Rajah 4.0. Perangkaan dalam Gambar Rajah tersebut menunjukkan pekerjaan sebagai nelayan masih merupakan yang tertinggi melibatkan sebanyak 28% ketua keluarga. Aktiviti menangkap ikan walaupun merupakan pekerjaan tradisi penduduk kampung air, bilangan ketua keluarga yang terlibat dalam sektor tersebut tidak mencapai 50%. Hal ini terjadi kerana, pada masa kini sebilangan besar penduduk KSK telah melakukan mobiliti pekerjaan akibat pengaruh urbanisasi dan melalui pelajaran.²²

Setelah dihalusi, sebilangan besar ketua keluarga di KSK telah terlibat dalam sektor perniagaan sebanyak 23% dan sektor perkhidmatan awam juga mewakili 23%. Penglibatan orang-orang Melayu Brunei KSK dalam bidang perniagaan di Bandar Limbang sangat berhubung rapat dengan kewujudan peluang-peluang perniagaan di Pasar Tamu Limbang kesan permintaan pengguna-pengguna dari Negara Brunei Darussalam. Manakala ketua keluarga yang bekerja di sektor perkhidmatan awam pula disebabkan sikap orang-orang Melayu Brunei itu sendiri yang gemar bekerja kerajaan. Hal ini telah digalakkan lagi dengan wujudnya peluang-peluang pekerjaan di jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan di Bandar Limbang.

Gambar Rajah 4.0: Komposisi Pekerjaan Utama Ketua Keluarga DI KSK



Lain-lain pekerjaan yang turut dilakukan oleh ketua-ketua keluarga di KSK termasuklah bekerja di sektor swasta sebanyak 9.0%, pengusaha bot tambang 7.0%, membuat bot 4.0% dan bekerja kebun 3.0%. Perkembangan syarikat-syarikat swasta di Bandar Limbang yang sebahagian besarnya untuk memenuhi keperluan pengguna-pengguna dari Negara Brunei Darussalam telah memberi peluang pekerjaan kepada ketua keluarga di KSK. Sementara itu, ketua keluarga yang bekerja sebagai pengusaha bot tambang bergiat aktif disebabkan terdapatnya permintaan tinggi daripada pengguna-pengguna yang berulang-alik di antara Bandar Limbang dengan KABD. Manakala ketua keluarga yang bekerja sebagai pembuat bot menjalankan operasi disebabkan perkembangan sektor pengangkutan air dan perikanan serta permintaan pengguna-pengguna dari KABD.

Di KSK, pada masa kini terdapat sebanyak 3% ketua keluarga yang merupakan golongan pesara. Keseluruhan mereka merupakan bekas pekerja sektor awam khususnya di Majlis Daerah Limbang. Golongan pesara ini tidak melakukan sebarang pekerjaan. Dengan kata lain golongan pesara tidak terlibat langsung dalam aktiviti ekonomi di KSK.

4.2 NELAYAN

Di KSK, kesemua nelayan adalah nelayan artisanal yang menjalankan aktiviti menangkap ikan di perairan tidak melebihi tiga batu dari pantai. Sebanyak 95% nelayan menjalankan operasi

menangkap ikan di kawasan muara Sungai Limbang dan pinggir pantai Teluk Brunei. Selebihnya 5.0% nelayan menangkap ikan di kawasan pinggir pantai Teluk Brunei sahaja.

Perangkaan di atas menunjukkan seratus peratus nelayan di KSK menjalankan operasi menangkap ikan di perairan milik Negara Brunei Darussalam. Perairan Teluk Brunei mempunyai garis pantai sepanjang 130 km²³ dianggarkan mempunyai potensi sumber perikanan sebanyak 25,700 tan matrik setahun.²⁴ Sumber perikanan tersebut terdiri daripada ikan demersel²⁵ sebanyak 15,400 tan matrik, ikan pelagik²⁶ sebanyak 9,800 tan matrik dan udang sebanyak 500 tan matrik.

Perlu dijelaskan, pihak berkuasa Negara Brunei Darussalam tidak mengenakan sebarang tindakan ke atas nelayan-nelayan dari KSK yang menangkap ikan di perairan negara itu. Hal ini terjadi kerana orang-orang Melayu Brunei KSK dan orang-orang Melayu Brunei KABD mempunyai hubungan persaudaraan yang sangat rapat. Perbincangan tentang hubungan persaudaraan ini akan diuraikan dalam bab seterusnya. Tidak timbul sebarang pergaduhan atau perkelahian di antara nelayan-nelayan dari KSK dengan nelayan-nelayan dari KABD yang menangkap ikan di perairan Teluk Brunei. Mereka saling kenal-mengenal dan bersefahaman di antara satu sama lain. Melalui pemerhatian, didapati sebanyak tiga buah bot milik nelayan-nelayan dari KABD menangkap ikan di kawasan perairan muara Sungai Limbang dalam satu-satu masa. Ini bermakna dalam

usaha menangkap ikan wujud persefahaman dan perkongsian kawasan di antara nelayan-nelayan KSK dengan nelayan-nelayan KABD.

Kesemua nelayan di KSK memiliki bot dan perkakas menangkap ikan sendiri. Bot-bot yang digunakan terdiri daripada bot-bot yang mempunyai muatan tidak melebihi 5 GRT.²⁷ Saiz bot-bot ini berukuran di antara 15 hingga 24 kaki panjang dan lima hingga enam kaki lebar. Secara keseluruhan, bot nelayan tersebut ditempah daripada pembuat-pembuat bot tempatan di KSK dengan harga sebanyak RM2,000 hingga RM4,000 sebuah.²⁸

Bot-bot nelayan di KSK menggunakan enjin sangkut jenis *Yamaha* dan *Mariner* dua piston atau tiga piston. Kekuatan bagi sebuah enjin sangkut tersebut adalah di antara 40 hingga 60 kuasa kuda.²⁹ Enjin-enjin ini dibeli dari syarikat-syarikat penjual jentera laut yang beroperasi di Bandar Limbang.³⁰ Antaranya termasuklah *Wong Brothers Motor Enterprise*, *Ling's Motor Co.*, *International Trading* dan *Soon Hin Trading Co.*³¹ Enjin bot dibeli dengan harga di antara RM3,000 hingga RM7,000 sebuah bergantung kepada kuasa kuda enjin berkenaan.³² Kerja-kerja pemasangan enjin bot secara umumnya dilakukan oleh tukang-tukang bot yang beroperasi di KSK.

Perkakas menangkap ikan yang digunakan oleh nelayan-nelayan KSK juga berskala kecil. Perkakas tersebut terdiri daripada pukut hanyut tiga lapis (95.7%) dan perangkap (4.7%). Dalam kategori perangkap antaranya termasuklah bintor, bubu ketam dan kabat.

Mengikut perangkaan rasmi Jabatan Perikanan Laut Sarawak tahun 1999, di daerah Limbang dan Lawas, pukat hanyut tiga lapis telah mendaratkan hasil tangkapan sebanyak 839.77 kg dan perangkap pula sebanyak 275.36 kg.³³

Sebilangan besar nelayan di KSK mendapatkan bekalan pukat hanyut tiga lapis daripada peraih-peraih KABD yang membeli hasil tangkapan nelayan di tengah laut.³⁴ Harga pukat hanyut tiga lapis tersebut adalah B\$12.00 bagi setiap satu bidai pukat yang berukuran 40 kaki panjang. Pukat ini dibayar secara tunai dengan menolak pendapatan hasil tangkapan yang dijual kepada peraih-peraih berkenaan. Selain itu, nelayan-nelayan di KSK juga boleh membeli pukat hanyut yang serupa dari kedai-kedai menjual peralatan perikanan yang beroperasi di Bandar Limbang dengan harga RM38.00 bagi setiap satu bidai. Bagi nelayan-nelayan yang menggunakan perangkap, perkakas tersebut juga dibeli dari kedai-kedai yang beroperasi di Bandar Limbang. Antaranya termasuklah *Syarikat Chua Thien Soo*, *Kwang Tah Trading Co.*, *Hin Huat Trading Co.*, *Syarikat King Hoe* dan *Teck Guan Co.*³⁵

Selain pukat, peraih-peraih dari KABD turut membekalkan minyak enjin bot kepada nelayan. Minyak ini diisi ke dalam tong yang setiap satu mempunyai isipadu empat gelen atau lima gelen. Setiap empat gelen minyak berharga B\$4.80 manakala lima gelen minyak berharga B\$6.00. Nelayan mendapatkan bekalan

minyak tersebut kerana secara bandingan harganya jauh lebih murah daripada minyak yang dijual di Bandar Limbang iaitu RM1.30 seliter.

Keseluruhan nelayan mendapatkan bekalan air batu tempatan. Air batu dijual dengan harga RM1.00 bagi setiap satu blok mempunyai berat 8 kg. Oleh kerana aktiviti menangkap ikan dilakukan secara kecil-kecilan, nelayan memerlukan antara satu hingga dua blok air batu sahaja dalam sekali ke laut. Pembekal-pembekal air batu di daerah Limbang antaranya termasuklah syarikat *Chop Teck Joo*, *Jong Thai*, *Hua Hock Brothers Coldstorage Co.*, Hj. Omar Jumaat, *Limbang Coldstorage and Trading Co.*, Hajjah Nastuyah Abg. Undan dan Hajjah Rosnah Hasbollah.³⁶

Nelayan-nelayan di KSK mendapatkan peralatan perikanan seperti tong ikan, alat ganti tali dan batu pukut serta pelampong dengan membeli sendiri di kedai-kedai menjual alat-alat perikanan di Bandar Limbang. Sebilangan kecil nelayan yang berkunjung ke KABD membeli tali dan batu pukut dari kedai-kedai menjual peralatan perikanan yang beroperasi di Bandar Seri Begawan. Antaranya termasuklah *Syarikat Vigee Trading Co.*, *Hai Hwang Trading Co.* dan *Chop Chee Guan*. Di Bandar Seri Begawan peralatan perikanan di atas dijual pada harga yang lebih murah berbanding di Bandar Limbang. Umpamanya, harga sekilogram batu pukut adalah sebanyak \$B4.00 di Bandar Seri Begawan, tetapi dijual pada harga RM15.00 di Bandar Limbang.

Secara keseluruhan, para nelayan di KSK merupakan golongan pemodal dan pengusaha. Nelayan-nelayan ini menangkap ikan berseorangan diri. Dengan kata lain khidmat buruh perikanan tidak digunakan. Bagaimanapun sebilangan kecil nelayan turut dibantu oleh seorang anak lelaki mereka semasa menangkap ikan di laut.

Oleh kerana para nelayan menggunakan bot, enjin dan perkakas menangkap ikan yang berskala kecil, aktiviti menangkap ikan dijalankan secara pulang hari. Para nelayan turun ke laut pada waktu pagi terutamanya pada waktu selepas subuh dan pulang pada waktu tengahari atau petang. Perlu dijelaskan, nelayan turun ke laut bergantung kepada waktu air pasang dan keadaan air. Waktu air pasang dan keadaan air yang jernih membolehkan udang siar didaratkan dalam jumlah yang banyak. Sebaliknya waktu air surut dan keadaan air yang keruh udang siar sukar didapati.³⁷ Pada masa guruh atau hujan, nelayan juga tidak turun ke laut kerana pada waktu tersebut udang akan bersembunyi di dasar laut.³⁸

Perjalanan bot dari KSK menuju ke kawasan operasi menangkap ikan mengambil masa kira-kira 15 hingga 20 minit. Sebaik sahaja tiba di kawasan menangkap ikan nelayan akan melabuhkan pukat ke laut. Gambar 4.0 menunjukkan seorang nelayan sedang melabuhkan pukat hanyut tiga lapis ke laut.

Secara umum sebuah bot nelayan menggunakan sebanyak tiga bidai pukat. Setiap pukat dipasang di kawasan yang

Gambar 4.0: Nelayan Sedang Melabuhkan Pukat Hanyut Tiga Lapis



berbeza-beza. Selesai melabuhkan pukot pertama nelayan akan pergi ke kawasan yang agak jauh dari pukot tersebut untuk melabuhkan pukot kedua. Begitu juga pukot ketiga dilabuhkan di kawasan yang agak jauh dari pukot pertama dan kedua. Setiap pukot mempunyai pelampung yang menggunakan warna berbeza-beza. Warna tersebut bertujuan supaya nelayan dapat mengenalpasti pukot mereka.

Sebaik sahaja kerja-kerja memasang pukot selesai, nelayan akan menuju ke kawasan di mana terdapat tempat berteduh yang berhampiran untuk berehat dan bersarapan pagi. Waktu rehat adalah di antara 10 hingga 15 minit. Sesudah bersarapan nelayan akan memandu bot ke kawasan di mana pukot pertama dipasang. Pukot tersebut ditarik secara perlahan-lahan ke atas bot. Hasil tangkapan yang tersangkut pada pukot dikeluarkan dan dimasukkan ke dalam tong ikan yang berisi air batu. Perlu dijelaskan, bekalan air batu kebiasaannya dibeli pada waktu pagi iaitu sebelum nelayan memulakan perjalanan ke tempat operasi menangkap ikan.

Selepas itu nelayan akan menuju ke kawasan pukot kedua dan pukot ketiga dipasang untuk melakukan proses yang sama seperti di atas. Sebaik sahaja selesai mengeluarkan hasil tangkapan daripada ketiga-tiga pukot tersebut, nelayan akan menuju ke kawasan lain untuk melakukan kerja-kerja pemasangan pukot sekali lagi. Menurut En. Zaini Ariff³⁹, nelayan akan menurun dan menaikkan setiap pukot sebanyak lima hingga lapan kali dalam sekali ke laut.

Jenis tangkapan yang lumrah didaratkan oleh nelayan-nelayan di KSK dengan menggunakan pukut hanyut tiga lapis adalah udang siar kecil (*Metapenaeus lysianassa*) dan udang siar besar (*P. Merguensis*). Jenis tangkapan lain yang turut didaratkan menggunakan pukut tersebut termasuklah ikan campur⁴⁰ (*Mixed Spp.*) dan udang karang (*Panulirus Polyhagus*) atau 'satak' mengikut sebutan orang-orang Melayu Brunei.⁴¹ Secara purata sebuah bot mendaratkan hasil tangkapan udang siar kecil dan besar di antara 15 kg hingga 20 kg dalam sekali ke laut.

Kebiasaannya, kerja-kerja menggred udang siar dilakukan oleh nelayan semasa sedang menunggu pukut yang terakhir atau setelah kerja-kerja menangkap ikan selesai dilakukan. Udang siar akan dibahagikan kepada tiga kategori. Nelayan akan memilih udang siar besar terlebih dahulu dan dimasukkan ke dalam bakul plastik. Udang siar yang tidak cukup besar saiznya akan diasingkan di dalam bekas lain dan dikategorikan sebagai udang siar sedang. Selebihnya adalah udang siar kecil yang juga dimasukkan ke dalam bekas berasingan.

Hasil tangkapan udang siar secara keseluruhannya di pasarkan terus kepada peraih-peraih ikan dari KABD di tengah laut. Ini terbukti apabila didapati sebanyak 95.3% daripada nelayan-nelayan di KSK menjual tangkapan mereka kepada peraih-peraih tersebut yang kebiasaannya beroperasi di Pengkalan Rangau yang terletak di bahagian muara Sungai Limbang. Peraih-peraih ikan ini menunggu

para nelayan di pengkalan tersebut dari jam 12.00 tengahari hingga jam 2.00 petang.

Pada kebiasaannya, sebaik sahaja selesai menangkap ikan nelayan akan terus menuju ke Pengkalan Rangau untuk menjual hasil tangkapan yang diperoleh. Hasil tangkapan yang telah dipilih ditimbang terlebih dahulu oleh peraih-peraih ikan dari KABD di atas. Udang siar kecil dijual dengan harga sekitar B\$7.00 sekilogram dan udang siar besar sekitar B\$20.00 sekilogram. Manakala udang siar yang bersaiz sedang dijual dengan harga sekitar B\$14.00 sekilogram.

Harga udang yang ditawarkan oleh peraih-peraih dari KABD sebenarnya mengikut harga borong yang ditawarkan oleh peniaga-peniaga ikan di Pasar Tamu Limbang. Bagaimanapun secara bandingan nilai harga tersebut jauh lebih tinggi daripada harga yang ditawarkan di Pasar Tamu Limbang kerana ia dibayar dalam bentuk Dollar Brunei. Hal ini menyebabkan nelayan-nelayan di KSK lebih gemar menjual hasil tangkapan mereka kepada peraih-peraih ikan dari KABD di tengah laut. Sebenarnya urusan jual beli ikan di antara kedua belah pihak dengan cara tersebut telah dijalankan sejak dahulu lagi sepertimana yang dijelaskan di bawah.

“Not all fish and prawns appearing in the markets however, are caught in Brunei waters, and fish and prawns originating from outside Brunei appear on the markets via two routes. Firstly there are the products that are imported into the State through designated Ports on Entry, and which are recorded by the Royal Customs and Excise in the normal way. These products include both fresh fish from nearby ports in Sabah and Sarawak and also processed and packaged products from suppliers

worldwide. Secondly there are those imports which for want of a better word fall into the category of "undeclared" imports. These are not illegal imports per se, but are ones which are made by sea from the neighbouring waters of Brunei Bay. In these cases the fish and prawns are purchased at sea by Brunei fishermen and fishmongers, and are landed, in accordance with long tradition, as Brunei fish and prawns."⁴²

Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, nelayan-nelayan di KSK mendapatkan bekalan minyak dan pukot daripada peraih-peraih ikan dari KABD. Hal ini membolehkan peraih-peraih tersebut mendapat bekalan ikan secara berterusan dari para nelayan. Ini kerana dengan menjual pukot dan minyak pada kadar harga yang lebih rendah secara menolak pendapatan nelayan, peraih-peraih tersebut dapat mengawal nelayan supaya sentiasa menjual hasil tangkapan kepada mereka.

Pada masa kini hasil perikanan yang didaratkan oleh nelayan-nelayan KSK secara keseluruhannya dipasarkan secara segar. Sebilangan kecil sahaja hasil perikanan yang didaratkan oleh nelayan KSK diproses sebagai ikan kering, ikan masin, tahai atau udang salai. Pemerosesan hasil perikanan tersebut dilakukan oleh keluarga nelayan untuk kegunaan sendiri sahaja.

Perlu dijelaskan, di KSK nelayan-nelayan yang menggunakan perangkap terdiri daripada orang-orang Iban. Mereka menggunakan bintor dan bubu ketam untuk menangkap ketam renjong atau ketam bakau (*Scyllaserrata*). Bagi orang-orang Melayu Brunei, ketam bakau adalah tidak boleh dimakan (haram). Oleh yang

demikian, orang-orang Iban menjual hasil tangkapan ini kepada peniaga-peniaga ikan berbangsa Cina yang beroperasi di Bangunan Pasar Limbang.⁴³ Jelasnya, orang-orang Iban yang menangkap ketam tidak mempunyai hubungan langsung dengan peraih-peraih hasil perikanan dari KABD.

Nelayan-nelayan di KSK menjual hasil tangkapan mereka kepada peraih-peraih ikan dari KABD pada setiap kali ke laut. Nelayan-nelayan ini tidak akan turun ke laut pada hari Jumaat atau sekiranya terdapat hal-hal seperti keuzuran, kematian dan kenduri-kendara. Sebanyak 86% nelayan menjalankan aktiviti menangkap ikan di antara 21 hingga 25 hari dalam sebulan. Manakala selebihnya sebanyak 14% menangkap ikan di antara 16 hingga 20 hari dalam sebulan.


Oleh kerana nelayan-nelayan di KSK menerima bayaran jualan hasil tangkapan dalam bentuk Dollar Brunei, mereka memperoleh pendapatan bulanan yang tinggi. Didapati sebanyak 13.0% nelayan sahaja yang memperoleh pendapatan bulanan di antara RM1,001 hingga RM1,500. Selebihnya sebanyak 43.5% nelayan memperoleh pendapatan bulanan di antara RM1,501 hingga RM2,000. Manakala sebanyak 43.5% nelayan lagi memperoleh pendapatan bulanan di antara RM2,001 hingga RM2,500. Peratusan ini menunjukkan, walaupun aktiviti menangkap ikan yang dijalankan oleh nelayan-nelayan di KSK adalah berskala kecil, tetapi mereka memperoleh pendapatan yang lumayan.

Selain nelayan-nelayan sepenuh masa di atas, terdapat seramai 40 orang (26.7%) ketua keluarga di KSK yang melakukan pekerjaan menangkap ikan secara sambilan. Peratusan golongan nelayan sambilan adalah yang tertinggi berbanding lain-lain pekerjaan sampingan yang dilakukan oleh ketua keluarga di KSK sebagaimana yang ditunjukkan dalam Gambar Rajah 4.1. Ini bermakna menangkap ikan menjadi pekerjaan sampingan yang paling digemari oleh sebilangan besar ketua keluarga yang bekerja di sektor-sektor lain.

Nelayan-nelayan sambilan di KSK menangkap ikan pada hari cuti hujung minggu dan hari-hari kelepasan am. Operasi menangkap ikan dijalankan di perairan muara Sungai Limbang dan pinggir pantai Teluk Brunei. Ciri-ciri bot, enjin dan peralatan menangkap ikan yang digunakan oleh nelayan-nelayan sambilan adalah sama sebagaimana nelayan-nelayan sepenuh masa. Kesemua bot, enjin dan peralatan menangkap ikan dimiliki sendiri oleh nelayan kecuali seramai 11 orang (27.5%) yang meminjam daripada ahli keluarga masing-masing.

Golongan nelayan sambilan ini turun menangkap ikan pada waktu pagi setelah air sungai pasang dan pulang pada waktu tengahari atau petang. Sebagaimana nelayan-nelayan sepenuh masa perjalanan yang diambil untuk sampai ke kawasan menangkap ikan antara 10 hingga 15 minit. Operasi menangkap ikan yang dijalankan juga menggunakan pukot hanyut tiga lapis sepertimana yang telah

Gambar Rajah 4.1: Pekerjaan Sampingan Ketua Keluarga Di KSK



dijelaskan di atas. Bagi nelayan-nelayan sambilan ini mereka hanya melabuhkan pukut sebanyak tiga hingga lima kali sahaja dalam sekali ke laut.

Hasil tangkapan yang didaratkan oleh nelayan-nelayan sambilan ini juga terdiri daripada udang siar, ikan campur dan satak. Oleh kerana hasil tangkapan adalah untuk kegunaan sendiri, secara purata sebuah bot nelayan akan mendaratkan udang siar di antara 5 kg hingga 10 kg dalam sekali ke laut. Pada musim udang siar iaitu antara bulan September hingga April, nelayan-nelayan sambilan ini memperoleh hasil tangkapan yang lebih iaitu di antara 10 kg hingga 15 kg dalam sekali ke laut.

Tidak seperti nelayan-nelayan sepenuh masa yang menjual hasil tangkapan kepada peraih-peraih dari KABD di tengah laut, nelayan-nelayan sambilan membawa pulang hasil tangkapan dan didaratkan di jeti hadapan rumah masing-masing. Hasil tangkapan dipilih dan dibersihkan terlebih dahulu di atas jeti tersebut oleh nelayan dengan dibantu oleh isteri dan anak mereka. Setelah mengambil kira bekalan sumber ikan untuk kegunaan keluarga, lebihan hasil tangkapan terutamanya udang siar akan dijual kepada peniaga-peniaga ikan di Pasar Tamu Limbang.

Udang siar yang hendak dijual tidak dibawa terus ke Pasar Tamu Limbang tetapi disimpan terlebih dahulu dalam tong berisi air batu hingga keesokan hari. Nelayan-nelayan sambilan ini menjual hasil tangkapan pada waktu pagi. Dengan demikian, peniaga-peniaga

ikan di Pasar Tamu Limbang dapat memasarkan terus hasil tangkapan tersebut kepada pengguna.


Menurut En. Suhaili Hj. Ahmad⁴⁴, menangkap ikan secara sambilan memberikan dua keuntungan kepada penduduk KSK. Pertama, nelayan-nelayan sambilan tidak perlu membeli ikan daripada peniaga-peniaga ikan di Pasar Tamu Limbang untuk dijadikan lauk bagi hidangan sekeluarga. Kedua, hasil tangkapan yang berlebihan dapat dijual dengan mudah kepada peniaga-peniaga di Pasar Tamu Limbang dan mereka mendapat bayaran secara tunai. Nelayan-nelayan sambilan di atas menerima pendapatan daripada pekerjaan sampingan tersebut antara RM250 hingga RM750 sebulan.

4.3 PENIAGA

Untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas tentang penglibatan orang-orang Melayu Brunei KSK dalam aktiviti perniagaan, perbincangan awal bahagian ini terlebih dahulu menghuraikan secara umum tentang aktiviti perniagaan di Pasar Tamu Limbang.

Pasar Tamu Limbang merupakan pasar terbesar di daerah Limbang. Pasar ini berada di Bangunan Tamu Limbang. Dari segi lokasi, Bangunan Tamu Limbang berada di pinggir Sungai Limbang bertentangan dengan KSK. Kedudukan Bangunan Tamu Limbang dapat ditunjukkan dalam Peta 4.0.


Peta 4.0: Menunjukkan Bandar Limbang



Pada tahun 2000, terdapat sebanyak 255 buah gerai yang beroperasi di Pasar Tamu Limbang.⁴⁵ Bilangan dan jenis gerai di Pasar Tamu Limbang pada tahun tersebut ditunjukkan dalam Gambar Rajah 4.2. Sebilangan besar gerai yang beroperasi di Pasar Tamu Limbang menjalankan perniagaan berasaskan barang makanan mentah. Gerai-gerai barang makanan mentah tersebut terdiri daripada gerai menjual barang runcit sebanyak 36%, gerai menjual sayur segar 22%, gerai menjual ikan segar 14%, gerai menjual telur ayam 2.0%, gerai menjual ayam dan itik 2.0%, gerai menjual daging lembu 2.0% dan gerai menjual ketam 2.0%. Secara keseluruhan, barang makanan mentah yang dijual adalah barang-barang yang mendapat permintaan tinggi daripada pengguna-pengguna Negara Brunei Darussalam khususnya yang datang dari KABD.

Dilihat dari segi suku kaum, sebilangan besar gerai yang beroperasi di Pasar Tamu Limbang dijalankan oleh orang-orang Melayu Brunei. Ini terbukti apabila didapati daripada jumlah keseluruhan gerai di Pasar Tamu Limbang, sebanyak 146 buah (57.3%) gerai adalah diusahakan oleh orang-orang Melayu Brunei.⁴⁶ Komposisi peniaga di Pasar Tamu Limbang mengikut etnik dapat dilihat dalam Jadual 4.0. Berdasarkan Jadual tersebut orang-orang Melayu Brunei adalah majoriti dalam kesemua jenis perniagaan kecuali gerai telur, gerai makanan tersedia, gerai borong dan gerai jahitan. Ini bermakna orang-orang Melayu Brunei menguasai perniagaan berasaskan barang makanan mentah di Pasar Tamu Limbang.

Gambar Rajah 4.2: Bilangan dan Jenis Gerai Di Pasar Tamu Limbang Tahun 2000



Sumber: Data-data disusun semula daripada, "Fail Bangunan Tamu Limbang", Majlis Daerah Limbang, Limbang, 2000.

Jadual 4.0: Komposisi Peniaga Mengikut Etnik Di Pasar Tamu Limbang Tahun 2000

Jenis Perniagaan	Bilangan Penjaja Mengikut Etnik					
	Melayu	Cina	Bisaya	Iban	Lum Bawang	Lain-lain
Gerai Barang Runcit	39	32	5	7	4	0
Gerai Sayur Segar	26	13	9	2	2	1
Gerai Makan dan Minum	29	2	1	3	0	1
Gerai Ikan Segar	34	1	1	0	0	0
Gerai Telur Ayam	1	3	1	0	0	0
Gerai Makanan Tersedia	3	3	0	0	0	0
Gerai Daging	6	0	0	0	0	0
Gerai Ayam dan Itik	3	1	0	0	0	0
Gerai Menjual Ketam	4	0	0	0	0	0
Gerai Borong	1	4	0	0	0	0
Gerai Jahit	0	1	1	0	0	0
Jumlah	146	60	18	12	6	2

Sumber: Data-data disusun semula daripada, "Fail Bangunan Tamu Limbang", Majlis Daerah Limbang, Limbang, 2000.

Oleh kerana kedudukan Pasar Tamu Limbang sangat berhampiran dengan KSK, ramai di kalangan orang-orang Melayu Brunei dari kampung air itu telah mengambil peluang menjalankan perniagaan di pasar tersebut. Sebagaimana yang dinyatakan di atas, pada masa kini terdapat seramai 35 orang (23%) peniaga sepenuh masa dari KSK yang menjalankan perniagaan di Pasar Tamu Limbang.

Peniaga-peniaga sepenuh masa di atas kesemuanya merupakan golongan pemodal dan pengusaha. Peniaga-peniaga ini mengusahakan gerai yang disewa daripada Majlis Daerah Limbang dengan bayaran sewa sebanyak RM45.00 sebulan bagi sebuah gerai.⁴⁷ Mereka menjalankan perniagaan pada setiap hari kecuali terdapat hal-hal penting umpamanya menghadiri kenduri-kendara, menziarahi saudara-mara yang sakit atau meninggal dunia, berziarah ke rumah saudara-mara di KABD atau lain-lain sebab. Kesemua peniaga sepenuh masa dari KSK mempunyai lesen perniagaan yang sah.

Daripada jumlah keseluruhan peniaga sepenuh masa di atas, sebanyak 76% merupakan peniaga ikan segar. Selebihnya sebanyak 12% sebagai peniaga makanan dan minuman, 6.0% peniaga sayur segar, 3.0% peniaga daging ayam dan 3.0% lagi peniaga kasut. Menurut Hj. Japar Tamit⁴⁸, orang-orang Melayu Brunei KSK lebih gemar menjual ikan, kerana sumber makanan protein tersebut mendapat permintaan yang tinggi daripada pengguna-pengguna

Negara Brunei Darussalam khususnya orang-orang Melayu Brunei dari KABD.

Bekalan sumber perikanan di Pasar Tamu Limbang tidak diperoleh daripada nelayan-nelayan tempatan. Ini kerana sebahagian besar ikan yang ditangkap oleh nelayan tempatan telah dijual kepada peraih-peraih dari KABD di tengah laut lagi. Untuk menampung kekurangan bekalan ikan, peniaga-peniaga ikan di Pasar Tamu Limbang telah membeli ikan yang diimport dari Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah khususnya daerah Sipitang, Beaufort, Kuala Penyu dan Kota Kinabalu.⁴⁹ Hal ini terbukti apabila didapati sebanyak 88% daripada peniaga-peniaga dari KSK mendapatkan bekalan barang dagangan dari Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah. Sementara itu, sebanyak 12% peniaga memperoleh bekalan barang dagangan dari daerah Limbang dan Sabah. Bekalan sumber perikanan yang diimport antaranya termasuklah ikan bawal hitam, cencaru, gelama, kembong, kerisi, merah, sotong, tenggiri dan tongkol.

Perlu dijelaskan, sebahagian kecil ikan yang diimport dipasarkan di daerah Limbang, manakala sebahagian besar dieksport ke Negara Brunei Darussalam. Bagi peniaga-peniaga Melayu Brunei dari KSK, hanya sejumlah kecil ikan yang dieksport ke Negara Brunei Darussalam dibawa masuk ke negara tersebut menggunakan jalan darat. Selebihnya dijual kepada orang-orang Melayu Brunei KABD yang datang ke Pasar Tamu Limbang melalui Sungai Limbang. Bagaimanapun bagi peniaga ikan berbangsa Cina, ikan yang dieksport

ke Negara Brunei Darussalam secara keseluruhannya dibawa masuk ke negara itu menggunakan laluan darat.

Setiap hari peniaga-peniaga sepenuh masa dari KSK menerima kunjungan pelanggan-pelanggan dari KABD. Sebanyak 79% daripada peniaga-peniaga tersebut menerima kunjungan seramai 11 hingga 15 orang pelanggan dari KABD dalam sehari. Manakala selebihnya sebanyak 21% menerima kunjungan pelanggan-pelanggan dari KABD antara lima hingga sepuluh orang dalam sehari. Kunjungan pelanggan-pelanggan dari KABD yang dinyatakan tersebut adalah pada hari-hari biasa.

Pada hujung minggu khususnya pada hari Jumaat yang dikenali sebagai 'hari tamu'⁵⁰, bilangan pelanggan-pelanggan dari KABD meningkat lebih 100%. Kajian mendapati pada setiap hujung minggu sebanyak 91% daripada peniaga-peniaga sepenuh masa di atas menerima kunjungan pelanggan-pelanggan dari KABD seramai 30 hingga 39 orang dalam sehari. Selebihnya 6.0% menerima pelanggan-pelanggan dari KABD seramai 20 hingga 29 orang dalam sehari dan 3.0% lagi menerima lebih daripada 60 orang dalam sehari. Perangkaan di atas menunjukkan orang-orang Melayu Brunei dari KABD gemar membeli barang-barang di Pasar Tamu Limbang yang dijual oleh orang-orang Melayu Brunei khususnya dari KSK. Ini kerana urusan jual beli di antara mereka dilakukan dengan menggunakan bahasa Brunei.⁵¹ Mereka juga mempunyai budaya dan agama yang

sama. Dengan demikian barang-barang yang dijual sentiasa memenuhi citarasa dan tidak diragui dari segi halal atau haram.

Menurut peniaga-peniaga ikan di Pasar Tamu Limbang, pada 'hari tamu' secara purata pelanggan-pelanggan dari KABD membeli ikan, udang atau ketam sebanyak 5 kg hingga 10 kg seorang. Gambar 4.1 menunjukkan deretan gerai-gerai menjual ikan di Pasar Tamu Limbang. Ini kerana pelanggan-pelanggan dari KABD membeli sumber perikanan bukan sahaja untuk kegunaan sendiri, tetapi untuk saudara-mara yang berkirim barang kepada mereka apabila membeli-belah di Pasar Tamu Limbang.

Oleh kerana peniaga-peniaga di atas menerima kunjungan ramai pelanggan pada setiap hari khususnya yang datang dari KABD, sebilangan daripada mereka terutamanya peniaga-peniaga ikan telah menggunakan seramai seorang atau dua orang pembantu. Pembantu kebiasaannya terdiri daripada saudara-mara terdekat atau jiran sekampung. Secara purata seorang pembantu diberi upah sebanyak RM20.00 hingga RM30.00 sehari.⁵²

Urusan jual beli di antara peniaga-peniaga dari KSK dengan pelanggan-pelanggan dari KABD secara umumnya dilakukan secara tunai dengan menggunakan matawang Ringgit Malaysia. Secara perangkaan didapati sebanyak 79% peniaga-peniaga dari KSK menerima pembayaran dengan cara tersebut. Selebihnya sebanyak 21% peniaga menerima pembayaran secara tunai dalam bentuk Dollar Brunei.

Gambar 4.1: Deretan Gerai-gerai Mejual Ikan Di Pasar Tamu Limbang



Pelanggan-pelanggan dari KABD yang datang membeli-belah di Pasar Tamu Limbang sanggup membayar harga barang-barang yang dijual oleh peniaga-peniaga dari KSK pada kadar yang lebih tinggi. Ini kerana mereka memperoleh nilai tukaran mata wang dua kali ganda daripada Dollar Brunei kepada Ringgit Malaysia. Semasa kajian ini dijalankan nilai B\$1.00 bersamaan RM2.20. Selain itu, pelanggan-pelanggan dari KABD bersikap tidak suka menawar harga barang yang hendak dibeli semasa membeli-belah. Menurut Mohammad Raduan Mohd. Ariff:

“.... kebanyakan pembeli adalah terdiri daripada orang-orang Brunei yang mempunyai pendapatan jauh lebih lumayan daripada penduduk tempatan. Selain daripada itu pembeli-pembeli Brunei kebanyakan mereka mempunyai sikap tidak suka tawar menawar, dan yang lebih penting mereka membeli dalam kuantiti yang banyak.”⁵³

Hal di atas menyebabkan harga barang-barang di Pasar Tamu Limbang adalah lebih mahal berbanding pasar-pasar lain di Negeri Sarawak. Perbezaan ini dapat dilihat melalui harga ikan yang dijual di pasar tersebut berbanding pasar-pasar lain di Sarawak sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 4.1. Berdasarkan Jadual tersebut, didapati harga ikan di pasar-pasar yang terletak di bandar-bandar berhampiran sempadan Sarawak dengan Negara Brunei Darussalam iaitu Limbang, Lawas dan Miri adalah lebih tinggi berbanding tempat-tempat lain. Di Pasar Tamu Limbang, harga kesemua jenis hasil perikanan yang dijual di pasar tersebut lebih mahal

Jadual 4.1: Harga Runcit Purata Hasil Perikanan Di Pasar Tamu Limbang Berbanding Pasar Ikan Utama Lain Di Sarawak, 1999

Jenis Hasil Perikanan	Pasar-Pasar Ikan Utama								
	PKU	PSR	PSI	PSA	PMU	PBI	PMI	PLI	PLA
Bawal Hitam(<i>Formio Niger</i>)	10.67	9.89	11.32	11.50	13.25	14.93	13.80	18.25	17.17
Belanak(<i>Liza Spp</i>)	-	-	-	9.50	-	-	-	12.00	14.00
Cermin(<i>Alectis Indica</i>)	3.46	5.00	5.89	-	-	8.11	2.33	11.00	-
Cincaru(<i>Megalaspis Cordyla</i>)	2.52	-	-	4.28	4.79	4.34	4.55	5.90	6.00
Duri(<i>Tachysurus Spp</i>)	1.11	-	3.81	2.78	-	2.00	5.25	4.17	4.00
Gelama(<i>Scianene Spp</i>)	1.90	6.00	4.55	6.95	5.00	6.19	4.00	5.25	5.17
Gerong-Gerong(<i>Caranx Specious</i>)	1.40	4.42	2.66	-	-	-	5.92	7.00	7.00
Ikan Campur(<i>Mixed Spp</i>)	4.64	3.00	2.00	3.33	-	-	2.92	5.00	5.00
Kebasi(<i>Annodontosoma</i>)	-	-	3.00	-	-	3.00	-	5.00	5.00
Kembong(<i>Rastrelligerkanagurta</i>)	4.39	5.27	4.53	6.09	5.17	6.46	4.00	6.00	5.42
Kerapu(<i>Epinephelus Spp</i>)	7.89	8.00	9.33	11.48	7.58	9.79	12.00	13.67	13.50
Kerisi(<i>Namipterus Spp</i>)	2.04	6.00	3.07	4.30	-	3.00	3.45	5.00	5.08
Kerisi Bali(<i>Pristipomoides Typus</i>)	7.29	-	9.00	-	-	-	12.91	11.42	11.00
Ketam Laut(<i>Portunus Pelagicus</i>)	3.94	7.00	5.07	6.33	-	7.17	8.00	7.98	7.92
Ketam Renjong(<i>Scyllaserrata</i>)	14.11	15.50	-	13.00	-	-	-	7.83	7.55
Malong(<i>Muraenesox Spp</i>)	2.89	-	4.33	5.05	-	4.98	-	5.00	-
Merah(<i>Lutianus Argentimaculatus</i>)	7.71	8.00	6.32	8.55	8.25	8.87	10.92	11.75	11.25
Pari(<i>Gymnura Spp</i>)	2.12	4.00	3.17	2.61	1.00	2.00	5.00	5.00	4.50
Sebelah(<i>Pseudorhombus Spp</i>)	5.87	-	8.31	9.43	-	7.92	10.00	11.00	10.83
Selar(<i>Selar Spp</i>)	3.39	3.00	4.32	5.77	5.00	6.98	7.00	5.67	5.58
Selar Kuning(<i>Selaroides</i>)	1.44	5.00	2.05	3.00	4.79	3.63	4.00	5.00	5.14
Siakap(<i>Lates Calcarifer</i>)	-	-	-	-	-	-	15.00	14.00	14.00
Sotong Biasa(<i>Loligo Spp</i>)	3.13	5.00	4.88	5.77	-	8.47	6.00	11.13	11.25
Tamban Sisek(<i>Sardinella Fimbriate</i>)	3.00	-	3.53	-	-	-	-	2.00	2.00
Tenggiri(<i>Scomberomorus Spp</i>)	7.75	8.00	7.43	8.57	7.58	9.03	11.83	10.00	10.17
Timah(<i>Trichiurus Lepturus</i>)	2.44	-	3.42	4.82	-	3.13	4.00	4.44	4.20
Tongkol(<i>Auxis Thazard</i>)	3.40	4.00	4.39	5.00	5.75	5.46	7.40	6.27	6.25
Udang Siar Besar(<i>P. Merquiensis</i>)	22.17	-	21.63	18.60	-	-	25.00	20.67	20.33
Udang Siar Kecil(<i>Metapenaeus Lysianassa</i>)	3.92	-	5.25	-	-	-	7.00	7.33	7.17
Udang Siar Sedang(<i>P. Merquiensis</i>)	12.00	12.00	8.95	10.00	-	8.93	17.60	14.33	13.50
Yu(<i>Galeorhinidae</i>)	2.82	-	3.84	2.50	1.00	1.00	2.92	5.00	4.18

PKU = Pasar Kuching
 PSI = Pasar Sibu
 PMU = Pasar Mukah
 PBI = Pasar Bintulu
 PLA = Pasar Lawas

PSR = Pasar Sri Aman
 PSA = Pasar Sarikei
 PMI = Pasar Miri
 PLI = Pasar Limbang

Sumber: Data-data disusun semula daripada, **Perangkaan Tahunan Perikanan 1999**, Jabatan Perikanan Laut Sarawak, Kementerian Pertanian Malaysia, Kuching, 1999, hal. 75-77.

berbanding harga yang ditawarkan di Pasar Kuching kecuali ketam renjong/bakau, ikan tamban sisek dan udang siar besar.

Menurut En. Ahmad Hj. Abdullah⁵⁴, Ketua Pegawai Penguatkuasa Cawangan, Bahagian Penguatkuasa Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Limbang, harga barang-barang di Pasar Tamu Limbang lebih tinggi berbanding tempat-tempat lain kerana mendapat permintaan yang tinggi daripada pengguna-pengguna dari Negara Brunei Darussalam. Bagaimanapun pihak Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Limbang tidak membenarkan peniaga-peniaga di Pasar Tamu Limbang meletakkan harga yang terlalu tinggi sehingga menimbulkan kesusahan kepada pengguna-pengguna tempatan.

Dengan adanya kawalan harga oleh pihak kerajaan, penetapan harga barang-barang yang dijual oleh para peniaga di Pasar Tamu Limbang adalah stabil walaupun lebih tinggi berbanding tempat-tempat lain di Sarawak. Jadual 4.2 menunjukkan harga runcit purata beberapa jenis hasil perikanan di Pasar Tamu Limbang dari bulan Januari hingga Disember tahun 1999. Sepanjang tempoh itu, harga bagi 17 jenis sumber perikanan yang dijual sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual tersebut tidak menunjukkan perubahan yang begitu ketara. Oleh kerana harga barang-barang di Pasar Tamu Limbang lebih stabil, secara tidak langsung ia telah menggalakkan lagi kedatangan pengguna-pengguna dari KABD untuk membeli-belah di pasar tersebut.

Jadual 4.2: Harga Runcit Purata Hasil Perikanan Di Pasar Tamu Limbang, Januari-Disember 1999

Jenis	Harga Runcit Purata Bulanan Bagi Sekilogram											
	Jan.	Feb.	Mac	April	Mei	Jun	Julai	Ogos	Sept.	Okt.	Nov.	Dis.
Bawal Hitam	18.00	18.00	20.00	20.00	20.00	20.00	18.00	17.00	17.00	17.00	17.00	17.00
Belanak	12.00	12.00	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Cermin	11.00	11.00	11.00	11.00	11.00	11.00	11.00	-	-	-	-	-
Cincaru	-	-	6.00	6.00	5.00	6.00	6.00	6.00	6.00	6.00	6.00	6.00
Duri	5.00	5.00	4.00	4.00	4.00	4.00	4.00	4.00	4.00	4.00	4.00	4.00
Gelama	6.00	6.00	6.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00
Geronggang	7.00	7.00	7.00	7.00	7.00	7.00	7.00	7.00	7.00	7.00	7.00	7.00
Ikan Campur	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00
Kebasi	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00
Kembong	6.00	6.00	6.00	6.00	6.00	6.00	6.00	6.00	6.00	6.00	6.00	6.00
Kerapu	12.00	12.00	14.00	14.00	14.00	14.00	14.00	14.00	14.00	14.00	14.00	13.67
Kerisi	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00
Kerisi Bali	12.00	12.00	12.00	12.00	12.00	11.00	11.00	11.00	11.00	11.00	11.00	11.42
Ketam Laut	8.00	8.00	8.00	8.00	8.00	8.00	8.00	7.75	8.00	8.00	8.00	8.00
Ketam Renjong	8.00	8.00	8.00	8.00	7.00	7.00	8.00	8.00	8.00	8.00	8.00	8.00
Malong	5.00	5.00	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Merah	12.00	12.00	10.00	11.00	12.00	12.00	12.00	12.00	12.00	12.00	12.00	12.00
Pari	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00
Sebelah	11.00	11.00	11.00	11.00	11.00	11.00	11.00	11.00	11.00	11.00	11.00	11.00
Selar	7.00	7.00	6.00	5.00	6.00	6.00	6.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00
Selar Kuning	5.00	5.00	5.00	-	-	-	-	-	-	-	-	5.00
Siakap	14.00	14.00	-	-	-	-	-	-	-	-	-	14.00
Sotong Biasa	12.00	12.00	11.00	11.00	11.00	11.00	11.00	11.00	11.00	10.50	11.00	11.00
Tamban Sisek	2.00	2.00	2.00	2.00	2.00	2.00	2.00	2.00	2.00	-	-	2.00
Tenggiri	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00	10.00
Timah	5.00	5.00	4.00	4.00	4.00	4.00	4.00	5.00	5.00	-	-	-
Tongkol	7.50	7.50	6.50	5.75	6.00	6.00	6.00	6.00	6.00	6.00	6.00	6.27
Udang Siar Besar	24.00	24.00	20.00	20.00	20.00	20.00	20.00	20.00	20.00	20.00	20.00	20.00
Udang Siar Kecil	8.00	8.00	7.75	7.25	8.00	7.00	7.00	7.00	7.00	7.00	7.00	7.00
Udang Siar Sedang	18.00	18.00	18.00	14.00	14.00	14.00	14.00	14.00	14.00	14.00	12.00	12.00
Yu	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00

Sumber:

Data-data disusun semula daripada, **Perangkaan Tahunan Perikanan 1999**, Jabatan Perikanan Laut Sarawak, Kementerian Pertanian Malaysia, Kuching, 1999, hal. 90-91.

Kehadiran pelanggan-pelanggan dari KABD yang sanggup membeli barang-barang di Pasar Tamu Limbang dengan harga yang tinggi secara tunai telah memberi pulangan lumayan kepada peniaga-peniaga dari KSK. Ini dapat dilihat melalui pendapatan bulanan peniaga-peniaga tersebut. Didapati sebanyak 46% daripada mereka memperoleh pendapatan bulanan antara RM1,501 hingga RM2,000. Sebanyak 46% peniaga lagi memperoleh pendapatan bulanan antara RM2,001 hingga RM2,500. Manakala selebihnya sebanyak 3.0% memperoleh pendapatan bulanan antara RM2,501 hingga RM3,000 dan 5.0% lagi lebih RM3,000.

Selain peniaga-peniaga sepenuh masa di atas, terdapat seramai 16 orang (11%) peniaga sambilan dari KSK yang menjalankan perniagaan di Pasar Tamu Limbang. Peniaga-peniaga sambilan ini menjalankan perniagaan pada setiap hujung minggu terutamanya pada hari tamu. Golongan peniaga sambilan tidak menyewa gerai-gerai yang berada di dalam Bangunan Tamu Limbang tetapi menjalankan operasi di kawasan tapak perniagaan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa Majlis Daerah Limbang.

Kawasan tapak perniagaan tersebut terletak di hadapan Bangunan Tamu Limbang. Setiap satu tapak dikenakan bayaran sewa tapak sebanyak RM2.00 bagi sekali operasi. Sebagaimana peniaga-peniaga sepenuh masa, kesemua peniaga sambilan dari KSK juga mempunyai lesen perniagaan yang sah.

Jenis perniagaan yang dijalankan oleh peniaga-peniaga sambilan di atas dapat dibahagikan kepada tiga. Pertama, peniaga yang menjual hasil pertanian khususnya sayur-sayuran dan buah-buahan sebanyak 69%. Kedua, peniaga yang menjual makanan tersedia terutamanya kuih-muih basah dan kering sebanyak 19%. Ketiga, mereka yang menjual barang-barang pertukangan dan kraftangan seperti parang, pisau, tekiding, nyiru dan topi daun pandan sebanyak 12%. Peratusan tersebut menunjukkan majoriti peniaga sambilan dari KSK juga terlibat dalam perniagaan berasaskan barang makanan mentah.

Bekalan barang dagangan khususnya sayur-sayuran dan buah-buahan diperoleh dengan meraih daripada penduduk daerah Limbang yang tinggal di darat yang mengusahakan aktiviti pertanian. Sebilangan peniaga sambilan turut mendapatkan bekalan kedua-dua jenis barang tersebut dari Wilayah Persekutuan Labuan dan Sabah.

Peniaga-peniaga sambilan di atas menjalankan perniagaan bermula pada jam 6.30 pagi hingga jam 2.30 petang. Mereka akan pulang lebih awal jika barang yang didagangkan telah habis dijual. Sebilangan besar pelanggan mereka juga terdiri daripada orang-orang Melayu Brunei dari KABD. Sebagaimana peniaga-peniaga sepenuh masa, urusan jual beli juga dilakukan secara tunai dalam Ringgit Malaysia. Secara purata peniaga-peniaga sambilan ini memperoleh pendapatan bulanan antara RM501 hingga RM1000 daripada pekerjaan sampingan tersebut.

4.4 PEKERJA SEKTOR KERAJAAN

Sebagaimana orang-orang Melayu Brunei di KABD, bekerja sebagai kakitangan kerajaan merupakan antara pekerjaan yang digemari oleh orang-orang Melayu Brunei di KSK. Menurut En. Jasini Hj. Mat Jais⁵⁵, penduduk KSK suka bekerja sebagai kakitangan kerajaan kerana pekerjaan tersebut dianggap mudah dan menjanjikan pendapatan tetap. Tanggapan sedemikian ada persamaannya dengan tanggapan orang-orang Melayu Brunei di KABD yang gemar bekerja sebagai kakitangan kerajaan.⁵⁶ Perlu dijelaskan, sebilangan besar orang-orang Melayu Brunei di KSK yang bekerja di sektor awam terdiri daripada kakitangan kerajaan peringkat bawahan.

Dari segi klasifikasi jawatan, sebanyak 37% daripada seramai 35 orang ketua keluarga di KSK yang bekerja di sektor kerajaan menjadi Pekerja Rendah Awam. Sebanyak 29% bekerja sebagai Pemandu Kenderaan Bermotor, 28% bekerja sebagai Pembantu Am Rendah dan 6.0% lagi bekerja sebagai Penolong Penguasa. Bilangan ketua keluarga yang lebih ramai menjadi kakitangan peringkat bawahan berbanding pegawai adalah disebabkan taraf pelajaran mereka yang rata-rata tidak sampai ke peringkat pengajian tinggi.

Kesemua ketua keluarga yang berkhidmat di sektor kerajaan bekerja di Bandar Limbang. Sebilangan besar mereka bertugas di Majlis Daerah Limbang, Pejabat Daerah Limbang, Pusat Kesihatan Kerajaan Limbang, Jabatan Bomba dan Keselamatan serta

Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia. Golongan pekerja sektor awam di atas bekerja mengikut waktu pejabat bermula dari jam 8.00 pagi hingga 4.15 petang.

Sebanyak 37% kakitangan kerajaan di KSK menerima pendapatan bulanan antara RM500 hingga RM1,000. Peratusan yang lebih tinggi iaitu 57% menerima pendapatan bulanan antara RM1,001 hingga RM1,500. Selebihnya sebanyak 6.0% menerima pendapatan bulanan antara RM1,501 hingga RM2,000. Ini menunjukkan majoriti ketua keluarga di KSK yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan adalah bergaji rendah jika dibandingkan dengan pendapatan peniaga atau nelayan. Menurut En. Razali Hj. Ibrahim⁵⁷, walaupun ketua-ketua keluarga yang bekerja di sektor perkhidmatan awam menerima gaji yang agak rendah mereka gembira kerana pihak kerajaan turut memberi elaun kakitangan kerajaan, elaun perumahan, kemudahan rawatan di hospital kerajaan dan pinjaman membeli rumah, kenderaan serta komputer peribadi.

Satu perkara yang paling digemari oleh kebanyakan penduduk KSK apabila bekerja di sektor kerajaan ialah mereka boleh menjalankan pekerjaan menangkap ikan secara sambilan pada hari tidak bekerja. Perkara ini sama sepertimana kebanyakan orang-orang Melayu Brunei di KABD. Kajian mendapati sebanyak 86% daripada golongan kakitangan kerajaan di KSK menjadikan aktiviti menangkap ikan sebagai pekerjaan sampingan.

4.5 PEKERJA SEKTOR SWASTA

Kehadiran pengguna-pengguna dari Negara Brunei Darussalam telah memesatkan lagi perkembangan Bandar Limbang. Pada tahun 2000 terdapat sebanyak 869 buah syarikat berdaftar yang beroperasi secara aktif di bandar tersebut.⁵⁸ Syarikat-syarikat ini dapat dibahagikan kepada tiga sektor utama iaitu perindustrian, perdagangan dan pelancongan.

Sektor perindustrian di Bandar Limbang terdiri daripada lima buah kilang papan, sebuah kilang *veneer* dan lapan buah kilang perabot. Sektor perdagangan pula melibatkan sebanyak enam buah bank, empat buah syarikat kewangan, 237 buah kedai termasuk pusat membeli-belah dan pusat-pusat hiburan, dan 246 buah gerai. Dalam sektor pelancongan, terdapat sebanyak 17 buah hotel dan 345 buah kenderaan berdaftar termasuk kenderaan darat, air dan udara.⁵⁹

Melalui pemerhatian terdapat tiga jenis perniagaan di Bandar Limbang yang secara langsung bertujuan memenuhi keperluan pelanggan-pelanggan dari Negara Brunei Darussalam yang datang membeli-belah di Pasar Tamu Limbang pada setiap hari terutamanya hujung minggu. Tiga jenis perniagaan tersebut adalah penukar wang dan bank; pusat membeli-belah; hotel dan pusat hiburan.

Pada masa kini didapati sebanyak lapan buah syarikat penukar wang berlesen telah beroperasi di Bandar Limbang. Syarikat-syarikat ini memberi perkhidmatan kepada pengguna-pengguna dari Negara Brunei Darussalam membuat tukaran mata wang ketika

berbelanja di Bandar Limbang. Kesemua syarikat penukar wang terdiri daripada pemodal dan pengusaha Cina kecuali seorang Melayu Brunei. Sebilangan kecil penukar wang tersebut merupakan pengusaha-pengusaha kedai emas. Syarikat-syarikat penukar wang yang biasa dikunjungi oleh pengguna-pengguna dari Negara Brunei Darussalam termasuklah Sahabat Pertukaran Wang, *Keon Hua Company*, *Leong & Trading*, Kedai Emas Kim dan *Hap Ann Goldsmith Sdn. Bhd.*⁶⁰

Selain di atas, pengguna-pengguna dari Negara Brunei Darussalam juga membuat pertukaran wang mereka di bank dan syarikat kewangan di Bandar Limbang. Antaranya termasuklah *Malayan Banking*, *Public Bank* dan *Hock Hua Bank*.⁶¹ Bank-bank ini turut menyediakan kemudahan mesin ATM yang mempunyai rangkaian antarabangsa bagi membolehkan pengguna-pengguna dari negara luar mengeluarkan wang tunai dengan menggunakan kad kredit.

Bagi pengguna-pengguna dari Negara Brunei Darussalam yang menginap di Bandar Limbang semasa membeli-belah, mereka boleh membuat pilihan untuk bermalam sama ada di hotel-hotel bertaraf empat bintang, tiga bintang, dua bintang atau satu bintang. Sebanyak 15 buah hotel di Bandar Limbang dimiliki oleh pengusaha bukan bumiputra, manakala dua buah lagi dimiliki oleh pengusaha bumiputra. Antara hotel-hotel yang sering menerima kunjungan pengguna-pengguna dari Negara Brunei Darussalam

termasuklah *Purnama Hotel, Park Royal Hotel, Prime Hotel, Muhibbah Inn* dan *National Inn*. Kadar bayaran bagi hotel-hotel ini di antara RM30 hingga RM400 satu malam bergantung kepada kelas bilik, taraf hotel dan hari-hari biasa atau hujung minggu. Oleh kerana sebilangan besar pengguna dari Negara Brunei Darussalam minat melakukan aktiviti karaoke, kebanyakan hotel turut menyediakan pub dan pusat karaoke.

Selain pub dan pusat karaoke di hotel, terdapat sebanyak 15 buah pusat hiburan yang beroperasi di Bandar Limbang terdiri daripada pusat karaoke, disko, pusat snooker dan rumah urut. Pusat-pusat hiburan ini beroperasi bermula dari jam 2.00 petang hingga jam 4.00 pagi. Operasi pusat-pusat hiburan tersebut bermula seawal jam 2.00 petang kerana menyediakan perkhidmatan hiburan kepada pelanggan-pelanggan yang tidak bermalam di Bandar Limbang. Kesemua pemodal dan pengusaha pusat hiburan di Bandar Limbang merupakan golongan bukan bumiputra khususnya orang-orang Cina. Antara pusat-pusat hiburan yang terkenal di bandar tersebut termasuklah *Hollywood Disco Lounge, Blue Ocean Coffee House & Pub, Treasure Island Pub & Lounge, Benson Karaoke Pub & Lounge* dan rumah-rumah urut di Jalan Bangkita. Kewujudan pusat-pusat hiburan di atas telah menghidupkan suasana malam di Bandar Limbang.

Perkembangan syarikat-syarikat swasta di atas bukan sahaja memberi keuntungan yang berlipat ganda kepada pengusaha-

pengusahanya, malah mewujudkan peluang-peluang pekerjaan di sektor swasta kepada sebilangan orang-orang Melayu Brunei di KSK. Perlu dijelaskan sebilangan besar tenaga kerja sektor swasta yang berasal dari KSK terdiri daripada golongan remaja.

Di KSK, ketua keluarga yang terlibat sebagai tenaga kerja di sektor swasta adalah seramai 13 orang. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 38.4% menjadi tenaga kerja di bank dan syarikat kewangan. Mereka ini bekerja sebagai kerani, pengawal keselamatan dan pemandu kenderaan bermotor. Sementara itu, sebanyak 23% bekerja di pusat beli-belah dan kedai-kedai di Bandar Limbang. Mereka bekerja sebagai pengawal keselamatan atau pembantu kedai. Sebanyak 15.4% bekerja di hotel sebagai pemandu dan pekerja am. Selebihnya 15.4% bekerja di sektor pembinaan juga sebagai pekerja am. Manakala sebanyak 7.7% lagi bekerja di bengkel kereta sebagai mekanik. Kecuali pengawal keselamatan yang bekerja mengikut syif, pekerja-pekerja sektor swasta yang lain bekerja kira-kira pada jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

Mereka yang bekerja di sektor swasta secara keseluruhannya dibayar gaji bulan. Didapati sebanyak 54% daripada mereka menerima pendapatan bulanan antara RM1,001 hingga RM1,500. Sebanyak 23% menerima pendapatan bulanan tertinggi iaitu antara RM1,501 hingga RM2,000. Manakala sebanyak 23% lagi menerima pendapatan bulanan paling rendah iaitu antara RM500 hingga RM1,000.

4.6 PENGUSAHA BOT TAMBANG

Aktiviti bot tambang telah bermula di KSK pada tahun 1975. Menurut En. Khamis Bakar⁶², orang-orang Melayu Brunei di KSK melakukan kegiatan menambang selepas pekerjaan tersebut dijalankan secara aktif oleh orang-orang Melayu Brunei di KABD. Oleh kerana sebilangan besar penduduk KSK telah terlibat dengan aktiviti ekonomi di Bandar Limbang kegiatan bot tambang menjadi amat penting untuk berulang-alik. Kedatangan orang-orang Melayu Brunei dari KABD untuk membeli-belah di Pasar Tamu Limbang juga menjadi faktor penting yang menggalakkan kegiatan bot tambang.

Pada masa kini, sebanyak 60% daripada ketua keluarga yang bekerja sebagai penambang sepenuh masa memberi perkhidmatan pengangkutan secara berulang-alik di antara Bandar Limbang dengan Bandar Seri Begawan. Bot-bot tambang yang menawarkan perkhidmatan tersebut lebih dikenali sebagai bot penumpang. Kesemua bot penumpang di KSK adalah dimiliki dan diusahakan oleh orang-orang Melayu Brunei.

Bot-bot penumpang di atas dipasang bumbung dan dinding. Ia juga dilengkapi dengan pelampung keselamatan dan alat pencegah kebakaran. Secara umum, saiz bot penumpang berukuran 20 kaki panjang dan 6 kaki lebar. Bagi menyesuaikan dengan saiz bot, ia dilengkapi dengan enjin sangkut jenis *Yamaha* atau *Mariner* yang mempunyai kekuatan di antara 60 hingga 120 kuasa kuda.

Kesemua bot penumpang di KSK yang menjalankan operasi mengangkut penumpang dari Bandar Limbang ke Bandar Seri Begawan mempunyai lesen yang sah. Bot-bot penumpang berlesen ini dicat dengan warna biru dan rekabentuknya seperti yang ditunjukkan dalam Gambar 4.2.

Sebuah bot penumpang boleh membawa maksima 12 orang penumpang bagi satu trip perjalanan. Kadar tambang yang dikenakan kepada penumpang bagi satu trip perjalanan adalah sebanyak RM10.00 seorang. Perjalanan di antara Bandar Limbang ke Bandar Seri Begawan dengan menggunakan bot penumpang mengambil masa kira-kira 25 minit.

Bot-bot penumpang di KSK yang menghubungkan Bandar Limbang dengan Bandar Seri Begawan di atas beroperasi setiap hari. Dalam sehari, secara purata sebuah bot penumpang akan berulang-alik antara kedua destinasi tersebut sebanyak dua kali. Penumpang yang hendak menaiki bot-bot penumpang ini perlu membeli tiket terlebih dahulu di kaunter terminal penumpang Jabatan Imigresen Malaysia Bahagian Limbang yang terletak bersebelahan Bangunan Tamu Limbang.

Selain menjadi pengusaha bot penumpang, sebanyak 40% ketua keluarga yang menjadi penambang sepenuh masa di KSK beroperasi mengangkut para penumpang yang berulang-alik dari KSK ke Bandar Limbang. Penambang-penambang ini juga membawa

Gambar 4.2: Bot-bot Penumpang Yang Berulang-alik Di Antara Bandar Limbang dan Bandar Seri Begawan




penumpang yang berulang-alik dari Bandar Limbang ke kampung-kampung air berdekatan seperti Kampung Pemukat, Kampung Limpaong, Kampung Bukit Kota dan Kampong Baru Berawan. Bot-bot tambang yang memberi perkhidmatan mengangkut penumpang di peringkat tempatan ini lebih dikenali sebagai bot panjang.

Pada masa kini, di KSK terdapat sebanyak 19 buah bot panjang yang beroperasi secara sepenuh masa. Kesemua bot panjang tersebut dimiliki sepenuhnya oleh orang-orang Melayu Brunei. Sebilangan besar bot-bot panjang yang menjalankan operasi menambang di peringkat tempatan dimiliki dan diusahakan oleh golongan remaja Melayu Brunei. Manakala sebilangan kecil remaja menyewa bot panjang daripada pemilik-pemilik bot berkenaan yang juga merupakan orang-orang Melayu Brunei di KSK. Kadar sewa bot yang dikenakan adalah sebanyak RM15.00 sehari.

Penambang-penambang sepenuh masa menjalankan operasi menambang pada setiap hari. Kecuali pada hari-hari tertentu umpamanya menghadiri jemputan majlis perkahwinan, kenduri-kendara, sakit, melawat saudara-mara atau anak-anak di KABD dan lain-lain perkara yang menyebabkan mereka benar-benar tidak dapat bekerja. Gambar 4.3 menunjukkan sebilangan penambang dari KSK yang menggunakan bot panjang sedang menunggu penumpang di Jeti Pasar Tamu Limbang. Penambang-penambang ini menjalankan operasi pada waktu lepas Subuh kira-kira jam 5.30 pagi hingga menjelang waktu Maghrib sekitar jam 7.00 malam.

Gambar 4.3: Sebilangan Penambang Dari KSK Yang Menggunakan Bot Panjang Sedang Menunggu Penumpang Di Jeti Pasar Tamu Limbang



Bot-bot yang digunakan oleh penambang-penambang di atas berukuran 15 kaki hingga 18 kaki panjang dan mempunyai lebar empat kaki. Bot-bot ini dilengkapi dengan enjin sangkut yang mempunyai kekuatan di antara 20 hingga 40 kuasa kuda juga dari jenis *Yamaha* dan *Mariner*. Dari segi rekabentuk bot-bot panjang tersebut sebenarnya sama seperti bot-bot tambang yang beroperasi di KABD.

Sebilangan besar bot panjang, di sebelah dinding luar bot berkenaan terdapat perkataan-perkataan tertentu yang ditulis dengan menggunakan cat. Antaranya termasuklah perkataan "x-treme", "rescue", "Nurnilamsari", "terbayang-bayang", "adidas", "unicon", "apexi", "kuch-kuch", "usaha-jaya", "ceria" dan "jagohan". Perkataan-perkataan yang ditulis tersebut merupakan jenama pakaian, lagu dan slogan-slogan yang diminati oleh pemiliknya. Menurut En. Rusli Bakar,⁶³ tulisan-tulisan pada dinding bot-bot tambang tersebut mula menjadi popular di KSK selepas mereka melihat bot-bot tambang di KABD mempunyai tulisan-tulisan sedemikian rupa.

Berbeza dengan bot-bot perikanan, bahagian dalam bot-bot panjang ini dipasang tempat duduk di sebelah kiri dan kanan. Tempat duduk tersebut mempunyai ukuran panjang 10 kaki dan lebar satu kaki. Bahagian dalam bot panjang termasuk tempat duduk dicat dengan varnis yang memperlihatkan urat-urat kayu supaya kelihatan kemas dan cantik.

Sebilangan bot panjang di bahagian sisi dinding bot dan bucu yang tajam dilapisi dengan kepingan aluminium. Kepingan

aluminium dipasang pada sisi dinding bot supaya penumpang-penumpang yang duduk bersandar pada dinding bot akan merasa lebih selesa. Manakala kepingan aluminium yang dipasang pada bucu bot yang tajam untuk tujuan kecantikan sahaja. Daripada ciri-ciri sebuah bot dapat diketahui tukang-tukang yang membuatnya. Ini kerana setiap tukang bot di KSK mempunyai kemahiran dan kesenian masing-masing dalam menghasilkan sesebuah bot.

Kadar tambang yang dikenakan kepada para penumpang bot panjang adalah berbeza-beza mengikut destinasi. Kadar tambang dari KSK ke Bandar Limbang adalah sebanyak RM0.50 bagi rumah-rumah yang terletak berhampiran Jeti Pasar Tamu Limbang dan RM1.00 bagi rumah-rumah yang agak jauh dari jeti tersebut (berada di kawasan hujung kampung). Sementara itu, kadar tambang antara Bandar Limbang dengan kampung-kampung air yang berdekatan adalah antara RM1.00 hingga RM4.00 seorang.

Pada hari tamu, kehadiran ramai orang Melayu Brunei dari KABD yang membeli-belah di Pasar Tamu Limbang menyebabkan perkhidmatan bot-bot penumpang tidak mencukupi. Ini menyebabkan penambang-penambang bot panjang turut mengambil peluang menghantar orang-orang Melayu Brunei dari KABD yang membeli-belah di Bandar Limbang pulang ke rumah mereka. Penumpang-penumpang yang hendak pulang ke KABD ini dikenakan bayaran secara catar dalam bentuk Dollar Brunei antara \$B35.00 hingga \$B45.00, bergantung kepada persetujuan penumpang dan penambang

berkenaan. Dari segi kekerapan, penambang-penambang bot panjang membawa penumpang dari Bandar Limbang ke KABD antara empat hingga enam kali dalam sebulan.

Perjalanan dari Bandar Limbang ke KABD dengan menggunakan bot panjang mengambil masa kira-kira setengah jam. Urusan perjalanan dengan menaiki bot panjang dilakukan tanpa menggunakan pasport atau dokumen perjalanan yang sah. Bagi orang-orang Melayu Brunei di KSK dan KABD, perkara ini bukanlah satu masalah yang besar kerana mereka tidak melalui pos-pos imigresen yang ditetapkan oleh kerajaan sama ada di daerah Limbang atau di Negara Brunei Darussalam.

Bot-bot penambang di atas akan terus menuju ke rumah penumpang-penumpang mereka di KABD. Sekiranya penambang-penambang tersebut terserempak dengan pihak polis merin yang membuat rondaan di tengah laut, mereka hanya perlu memberi alasan tertentu kepada pihak polis merin berkenaan. Alasan yang biasa diberikan termasuklah menghantar saudara-mara pulang ke KABD, menziarahi saudara-mara yang sakit di KABD dan menghadiri kenduri-kendara saudara-mara di KABD.⁶⁴ Ini kerana, pihak polis merin sama ada di daerah Limbang atau Negara Brunei Darussalam sudah maklum hubungan persaudaraan yang terjalin antara orang-orang Melayu Brunei di KSK dengan orang-orang Melayu Brunei di KABD.

Operasi bot panjang membawa penumpang ke KABD hanya dilakukan oleh penambang-penambang yang berusia lebih 30

tahun dan telah berumahtangga. Ini kerana penambang-penambang ini bukan sahaja mengetahui selok-belok jalan air yang lebih dekat untuk ke KABD, malah mereka mengetahui kedudukan rumah saudara-mara atau sahabat-handai yang dibawa.

Pengusaha-pengusaha bot tambang di KSK sebanyak 60% menerima pendapatan bulanan antara RM1,501 hingga RM2,000. Manakala sebanyak 40% lagi menerima pendapatan bulanan antara RM1,001 hingga RM1,500.

Selain penambang-penambang sepenuh masa di atas, terdapat sebanyak 3.0% ketua keluarga di KSK yang menjalankan kegiatan menambang secara sambilan. Penambang-penambang sambilan hanya menjalankan operasi pada hari-hari tertentu terutamanya hari Jumaat, Sabtu dan Ahad di mana sebilangan besar penduduk kampung air di daerah Limbang dan KABD mengunjungi Bandar Limbang untuk menjalankan perniagaan atau membeli-belah.⁶⁵ Mereka menjalankan aktiviti menambang pada waktu pagi kira-kira jam 6.30 pagi dan berakhir pada jam 7.00 malam. Kesemua penambang sambilan di KSK menggunakan bot panjang. Ciri-ciri bot adalah sama sebagaimana penambang-penambang sepenuh masa. Secara umum, bot-bot penambang sambilan tidak mempunyai lesen.

Selain membawa penumpang dari kampung-kampung air berdekatan, penambang-penambang sambilan juga menawarkan perkhidmatan menghantar penumpang ke KABD. Kadar tambang yang dikenakan kepada penumpang juga sepertimana penambang-

penambang sepenuh masa. Secara purata, penambang-penambang sambilan di KSK memperoleh pendapatan bulanan antara RM500 hingga RM1,000.

4.7 PEMBUAT BOT

Keperluan terhadap sistem pengangkutan air khususnya penggunaan bot berenjin sangkut di kalangan penduduk kampung-kampung air telah menggalakkan pertumbuhan perusahaan membuat bot di KSK. Bot-bot yang diperbuat oleh tukang-tukang di KSK sentiasa mendapat tempahan dari nelayan dan penambang tempatan serta yang datang dari KABD. Ini bermakna perkembangan perusahaan membuat bot di KSK sangat berhubung rapat dengan perusahaan perikanan dan kegiatan bot tambang.


Pada tahun 2001 terdapat sebanyak tujuh buah bengkel membuat bot yang beroperasi secara aktif di KSK. Kesemua bengkel membuat bot dan perahu di KSK dimiliki dan diusahakan oleh orang-orang Melayu Brunei kecuali sebuah dimiliki dan diusahakan oleh pemodal Cina yang tinggal di Bandar Limbang. Bilangan bengkel dan nama pembuat-pembuat bot di KSK ditunjukkan dalam Jadual 4.3.

Bengkel-bengkel bot yang dimiliki oleh orang-orang Melayu Brunei secara keseluruhannya didirikan di bahagian pantaran rumah masing-masing. Secara umum keluasan bengkel bot adalah 30 kaki panjang x 20 kaki lebar. Gambar 4.4 menunjukkan sebuah

Jadual 4.3: Senarai Pembuat Bot Di KSK Tahun 2001

Bil.	Nama Pembuat/Tukang	Jenis Bot	Bil. Unit Sebulan	Bil. Pekerja (Orang)
1	En. Razak Ahmad	Bot Panjang (Kayu)	1-2 Buah	0
2	<i>Ling Brothers Boat Builders</i>	Bot Panjang (<i>Fibreglass</i>) Bot Laju (<i>Fibreglass</i>)	2-3 Buah 1-2 Buah	4
3	En. Rosli Ramli	Bot Panjang (Kayu)	2 Buah	1
4	En. Rusli Bakar	Bot Panjang (Kayu)	1-2 Buah	0
5	En. Abd. Wahap Basar	Bot Panjang (Kayu)	1-2 Buah	0
6	En. Hussaini Abd. Wahap	Bot Panjang (Kayu)	1-2 Buah	0
7	En. Mattasan Ahmad	Bot Panjang (Kayu)	1-2 Buah	0

Gambar 4.4: Bengkel Bot Milik Orang Melayu Brunei Di KSK



bengkel bot di KSK. Kesemua bot yang dihasilkan oleh tukang-tukang bot yang beroperasi di bengkel-bengkel tersebut terdiri daripada jenis bot panjang (kayu).⁶⁶ Menurut En. Rosli Ramli, perbelanjaan bagi menghasilkan sebuah bot panjang adalah antara RM1,500 hingga RM2,000 bergantung kepada saiz dan rekabentuk bot yang ditempah oleh pelanggan.⁶⁷

Sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini, pelanggan-pelanggan yang datang menempah bot terdiri daripada para nelayan, pengusaha bot tambang dan juga orang perseorangan. Kajian mendapati sebanyak 67% tukang bot di KSK menerima tempahan daripada orang-orang Melayu Brunei dari KABD. Selebihnya 33% merupakan pengguna-pengguna tempatan. Dari segi kekerapan menerima tempahan, secara umumnya pembuat-pembuat bot di KSK menerima tempahan sebanyak dua buah bot dalam sebulan.

Menurut tukang-tukang bot tersebut, orang-orang Melayu Brunei dari KABD amat gemar menempah bot di KSK kerana harganya lebih murah berbanding bot yang dihasilkan oleh tukang-tukang bot di KABD. Selain itu, ciri-ciri bot yang direka oleh tukang-tukang bot di KSK menyerupai ciri-ciri bot yang terdapat di KABD. Harga bot yang ditawarkan kepada pembeli-pembeli dari KABD berbeza mengikut saiz dan rekabentuk yang ditempah. Sebuah bot bersaiz 15 kaki panjang dijual pada harga RM2,000 hingga RM3,000, bersaiz 18 kaki panjang

berharga RM3,000 hingga RM4,000 dan bersaiz 24 kaki panjang berharga RM4,000 hingga RM6,000.

Urusan jual beli di antara tukang-tukang bot di KSK dengan pembeli-pembeli bot dari KABD secara umumnya dilakukan dalam bentuk matawang Ringgit Malaysia. Pembayaran dibuat secara beransur-ansur biasanya tidak lebih tiga kali selama tempoh bot dibina. Cara pembayaran sebegini lebih digemari oleh kedua-dua belah pihak. Bagi pembuat bot pembayaran pertama dan kedua dapat dijadikan sebagai modal, manakala pembayaran akhir lebih merupakan upah. Bagi pembeli bot pula, pembayaran secara beransur-ansur dapat mengawal tukang-tukang bot supaya membuat bot dengan baik dan menepati ciri-ciri yang dikehendaki. Ini kerana, sekiranya pembeli tidak berpuas hati dengan bot yang telah dihasilkan oleh tukang-tukang berkenaan, mereka akan mengurangkan bayaran harga yang telah dipersetujui sebelumnya.

Tukang-tukang bot di atas, sebanyak 67% memperoleh pendapatan bulanan di antara RM1,501 hingga RM2,000. Selebihnya sebanyak 33% menerima pendapatan bulanan di antara RM1,000 hingga RM1,500. Ini menunjukkan tukang-tukang bot di KSK, walaupun menghasilkan sebanyak sebuah hingga dua buah bot sebulan, tetapi mereka mampu memperoleh pendapatan setanding dengan ketua-ketua keluarga yang bekerja di sektor-sektor lain.

Permintaan yang berterusan terhadap bot panjang telah mendorong seramai tiga orang (2.0%) ketua keluarga untuk melakukan

pekerjaan tersebut sebagai sambilan. Sebagaimana tukang-tukang bot sepenuh masa, tukang-tukang bot sambilan juga menjadikan bahagian pantaran rumah masing-masing sebagai bengkel membuat bot. Mereka membuat bot sekiranya terdapat tempahan. Secara purata seorang pembuat bot sambilan menerima sebanyak satu tempahan dalam sebulan atau sekurang-kurangnya dua bulan. Biasanya para pelanggan terdiri daripada saudara-mara atau sahabat-handai di daerah Limbang dan KABD.

Kerja membuat bot dilakukan pada waktu petang iaitu selepas waktu bekerja dan pada waktu hujung minggu atau hari-hari tidak bekerja. Oleh yang demikian pembinaan sebuah bot memakan masa yang agak lama iaitu antara sebulan hingga dua bulan untuk siap. Menurut En. Zaini Ariff⁶⁸, sebuah bot yang telah siap dibina boleh mendapat untung bersih antara RM1,000 hingga RM1,500. Sementara itu, kajian mendapati pendapatan purata pembuat-pembuat bot sambilan di KSK adalah antara RM500 hingga RM1500 sebulan.

4.8 BERKEBUN

Berbanding pekerjaan di sektor-sektor lain, pada masa kini pekerjaan berkebun secara sepenuh masa hanya dilakukan oleh sebilangan kecil ketua keluarga di KSK. Sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini, bilangan mereka yang bekerja kebun sepenuh masa hanya seramai empat orang (3.0%). Perlu dijelaskan, walaupun sebanyak 80% penduduk KSK mempunyai tanah di daerah Limbang,

bilangan yang kecil terlibat dalam sektor ini adalah disebabkan wujudnya peluang-peluang pekerjaan di sektor-sektor lain sepertimana yang telah dibincangkan di atas. Dalam pada itu, lebih 50% ketua keluarga mempunyai tanah pertanian yang terletak di kawasan pedalaman jauh dari tempat tinggal mereka.

Kesemua pekebun-pekebun sepenuh masa di KSK terdiri daripada orang-orang Melayu Brunei kecuali seorang kaum Iban. Pekebun-pekebun sepenuh masa ini memiliki dan mengusahakan tanah kebun sendiri. Seramai dua orang pekebun mempunyai tanah kebun berkeluasan antara dua hingga empat ekar, manakala dua orang lagi mempunyai tanah antara lima hingga lapan ekar. Tanah-tanah kebun tersebut diperoleh dengan cara meneroka hutan.

Dari segi lokasi, kebun-kebun yang diusahakan oleh pekebun-pekebun sepenuh masa di atas terletak di kawasan pedalaman di bahagian hulu Sungai Limbang.⁶⁹

Sebanyak dua orang pekebun mengusahakan tanah yang sebahagiannya ditanami kelapa dan sebahagian lagi ditanami buah-buahan seperti cempedak, durian dan rambutan. Manakala seorang mengusahakan tanaman padi bukit dan seorang lagi mengusahakan tanaman sayur-sayuran. Secara umum pekebun-pekebun ini menjual hasil tanaman kepada peraih-peraih dari KABD pada setiap kali hasil dituai di Pasar Tamu Limbang.

Urusan jual beli hasil pertanian di atas dilakukan dalam bentuk tunai menggunakan mata wang Ringgit Malaysia atau Dollar

Brunei. Menurut En. Jaya Timbang⁷⁰, peraih-peraih dari KABD akan membayar hasil tanaman yang dijual kepada mereka dengan menggunakan mata wang Dollar Brunei tetapi mengikut anggaran kasar harga dalam Ringgit Malaysia. Umpamanya harga sekilogram cili hijau sebanyak RM7.00 akan dibayar dengan \$B3.50. Bentuk pembayaran sebegini sebenarnya lebih digemari oleh pekebun-pekebun di KSK kerana dari segi tukaran asing harga tersebut adalah lebih tinggi.

Oleh kerana hasil tanaman sentiasa dapat dipasar kepada peraih-peraih dari KABD, pekebun-pekebun di KSK turut memperoleh pendapatan yang agak lumayan. Sebanyak 75% daripada pekebun-pekebun di atas memperoleh pendapatan bulanan antara RM1,000 hingga RM1,500. Selebihnya 25% lagi memperoleh pendapatan bulanan antara RM1,501 hingga RM2,000.

Selain pekebun-pekebun sepenuh masa di atas, terdapat seramai empat orang pekebun sambilan di KSK. Pekebun-pekebun sambilan ini mengusahakan tanah kebun milik sendiri. Tanah kebun tersebut juga diperoleh melalui penerokaan hutan.

Secara purata pekebun-pekebun sambilan di KSK mempunyai tanah berkeluasan antara dua hingga lima ekar. Tanah tersebut sebahagiannya diusahakan dengan tanaman buah-buahan dan sebahagian lagi ditanami kelapa sawit.

4.9 KESIMPULAN

Keadaan ekonomi Negara Brunei Darussalam yang memberi tumpuan kepada industri berasaskan perlombongan petroleum dan gas asli telah menyebabkan sebilangan besar gunatenaga negara itu terlibat dalam sektor tersebut. Selain itu rakyat Negara Brunei Darussalam sangat gemar bekerja di sektor perkhidmatan awam. Penglibatan besar rakyat Negara Brunei Darussalam dalam kedua-dua sektor pekerjaan tersebut menyebabkan mereka yang bekerja dalam sektor perikanan dan pertanian amat sedikit bilangannya.

Keadaan di atas menyebabkan bekalan sumber perikanan dan hasil pertanian Negara Brunei Darussalam sangat bergantung kepada bekalan dari negeri-negeri jiran. Bagi mendapatkan bekalan barang-barang keperluan harian, pengguna-pengguna dari Negara Brunei Darussalam telah berkunjung ke bandar-bandar sempadan khususnya Limbang, Lawas dan Miri. Selain itu, mereka juga mendapatkan bekalan tersebut dari Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Tindakan pengguna-pengguna dari Negara Brunei Darussalam telah menghidup dan memesatkan perkembangan bandar-bandar sempadan di atas.

Permintaan berterusan rakyat Negara Brunei Darussalam terhadap sumber perikanan dari daerah Limbang telah mendorong orang-orang Melayu Brunei di KSK meneruskan pekerjaan tradisi mereka iaitu menangkap ikan. Bagi mendaratkan sumber perikanan

khususnya udang siar yang sentiasa mendapat permintaan tinggi daripada pengguna-pengguna dari KABD, nelayan-nelayan KSK telah menggunakan pukut hanyut tiga lapis. Bot perikanan pula dilengkapi dengan enjin sangkut berkuasa kuda tinggi. Walaupun peralatan perikanan yang dimiliki oleh nelayan-nelayan KSK keseluruhannya berskala kecil, nelayan dapat mendaratkan hasil tangkapan yang agak lumayan kerana sumber perikanan di Teluk Brunei masih di bawah paras *Maximum Economic Yield*.

Bagi mendapatkan pulangan dalam bentuk Dollar Brunei, nelayan-nelayan KSK telah menjual sumber perikanan kepada peraih-peraih dari KABD di tengah laut. Untuk memastikan bekalan ikan sentiasa berterusan peraih-peraih dari KABD ini telah mewujudkan hubungan 'pemodal-pengeluar' dengan menjual pukut dan minyak kepada nelayan pada kadar harga yang lebih murah. Hubungan ini sangat menguntungkan kedua-dua belah pihak. Keuntungan tersebut semakin bertambah disebabkan hubungan perdagangan sumber perikanan di antara nelayan-nelayan KSK dengan peraih-peraih dari KABD tersebut tidak dikenakan sebarang bentuk cukai kerana mereka sudah berurusan di tengah laut lagi. Perkara ini amat baik kepada nelayan tetapi merugikan pihak kerajaan kerana tidak dapat mengutip cukai import-eksport.

Satu perkara yang jelas dalam hubungan perdagangan sumber perikanan, urusan jual beli dijalankan di antara orang-orang Melayu Brunei KSK dengan orang-orang Melayu Brunei KABD sahaja.

Ini menunjukkan orang-orang Melayu Brunei di kedua kampung air tersebut menjalankan hubungan ekonomi disebabkan oleh faktor kesukuan.

Bagi mendapatkan faedah daripada permintaan tinggi pengguna-pengguna dari KABD terhadap sumber perikanan, sebilangan orang Melayu Brunei KSK telah menjalankan perniagaan ikan di Pasar Tamu Limbang. Selain itu, orang Melayu Brunei KSK juga terlibat dalam pelbagai jenis perniagaan lain seperti sayur-sayuran dan hasil kampung, restoran makanan dan minuman dan kedai runcit. Secara keseluruhan, orang-orang Melayu Brunei KSK terlibat dalam perniagaan barang keperluan harian yang sentiasa mendapat permintaan daripada pengguna-pengguna dari KABD.

Oleh kerana perniagaan di Pasar Tamu Limbang dikuasai oleh orang-orang Melayu Brunei KSK, hal ini telah menggalakkan kedatangan pengguna-pengguna dari KABD untuk membeli-belah di pasar tersebut. Urusan jual beli di Pasar Tamu digemari oleh orang-orang Melayu Brunei dari KABD kerana para peniaga terdiri daripada suku kaum Melayu Brunei, mempunyai budaya dan menggunakan bahasa yang sama. Dalam pada itu, citarasa makanan yang sama di kalangan orang-orang Melayu Brunei membolehkan peniaga-peniaga di Pasar Tamu Limbang menyediakan barang-barang keperluan harian yang sentiasa mendapat permintaan pengguna-pengguna dari KABD.

Hubungan perdagangan di antara orang-orang Melayu Brunei di atas, sebahagian besarnya dilakukan melalui Sungai

Limbang tanpa menggunakan dokumen perjalanan yang sah. Hubungan ini berjalan dengan lancar dan meniadakan peraturan yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Ini menunjukkan hubungan ekonomi yang dijalankan melalui sungai adalah lebih susah dikawal berbanding aktiviti ekonomi yang menggunakan jalan darat.

Orang-orang Melayu Brunei KSK sama seperti orang-orang Melayu Brunei KABD, mereka gemar bekerja di sektor kerajaan. Oleh kerana sumber perikanan sentiasa mendapat permintaan tinggi, mereka yang bekerja makan gaji di sektor perkhidmatan awam turut melakukan pekerjaan sampingan sebagai nelayan. Golongan nelayan sambilan sentiasa dapat menjual hasil tangkapan kepada peniaga-peniaga di Pasar Tamu Limbang dan mendapat bayaran secara tunai. Hal ini sangat menguntungkan bagi mereka yang bekerja sebagai kakitangan kerajaan.

Kekayaan Negara Brunei Darussalam menyebabkan rakyat negara itu lebih gemar menjadi pengguna berbanding menjadi pengeluar. Kehadiran ramai pengguna dari negara itu ke Bandar Limbang telah menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan sektor-sektor perdagangan, pelancongan, perkhidmatan dan lain-lain. Sebagai sebuah bandar sempadan, Bandar Limbang telah mempunyai banyak hotel, bank, pusat perniagaan dan pusat-pusat hiburan yang bertujuan untuk menarik kemasukan pengguna-pengguna dari Negara Brunei Darussalam. Perkembangan ini baik kepada penduduk

setempat kerana memberi peluang kepada mereka untuk makan gaji di sektor swasta.

Kehadiran orang-orang Melayu Brunei dari KABD ke Bandar Limbang juga menggalakkan kegiatan bot tambang yang diusahakan oleh orang-orang Melayu Brunei di KSK. Dalam aktiviti bot tambang, sebilangan penambang yang tidak berlesen turut menawarkan perkhidmatan ke Negara Brunei Darussalam. Mereka tidak menghadapi sebarang masalah kerana penduduk di kedua kampung air tersebut mempunyai hubungan persaudaraan yang rapat. Ini menunjukkan hubungan persaudaraan menyebabkan undang-undang yang dibentuk oleh pihak kerajaan tidak dapat dikuatkuasakan sepenuhnya.

Perkembangan sektor perikanan dan aktiviti bot tambang telah memberi pekerjaan kepada pembuat-pembuat bot di KSK. Satu perkara yang jelas, mereka juga menerima tempahan bot dari pengguna-pengguna di KABD. Penduduk KABD mengemari bot-bot buatan KSK kerana ia mempunyai rekabentuk yang sama sepertimana kebanyakan bot di KABD malah harganya lebih murah.

Kesan permintaan tinggi pengguna-pengguna dari KABD terhadap barang makanan mentah juga memberi keuntungan kepada sebilangan kecil ketua keluarga di KSK yang bekerja kebun. Para pekebun, walaupun menjalankan aktiviti secara kecil-kecilan mereka mampu meraih pendapatan yang memuaskan. Ini kerana hasil yang dituai sentiasa dapat dijual dengan harga yang tinggi secara tunai pada

bila-bila masa kepada peraih-peraih dari KABD yang datang ke Pasar Tamu Limbang.

NOTA HUJUNG

- ¹ Untuk mengetahui lebih lanjut tentang eksport barang-barang dari daerah Limbang ke Negara Brunei Darussalam melalui Stesen Kastam Tedungan sila lihat, "Stesen Kastam Tedungan: Data-data Eksport 1994-1998", Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia, Bahagian Limbang, Sarawak, 2000.
- ² Ibid.
- ³ Sila lihat Mohamed Deli Ahmad, **Brunei Darussalam in Brief**, Information Department, Prime Minister's Office, Negara Brunei Darussalam, 1997, hal. 39-42.
- ⁴ Ibid., hal. 48.
- ⁵ Ibid., hal. 46.
- ⁶ Untuk keterangan lanjut sila lihat Mohammad Raduan Mohd. Ariff, Amaluddin Bakeri, "Hubungan Perdagangan Sumber Perikanan Sarawak-Negara Brunei Darussalam: Kajian Kes Daerah Perikanan Limbang dan Lawas", dalam **JATI**, Jurnal Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Bil. 4, Ogos 1998, hal. 124.
- ⁷ Ibid., hal. 125.
- ⁸ Sila lihat Lim Jock Seng, **The Inter-relationship of Technology, Economy and Social Organisation in A Fishing Village in Negara Brunei Darussalam**, Monograph of The Negara Brunei Darussalam Museum Journal, Negara Brunei Darussalam Museum, Negara Brunei Darussalam, No. 6, 1986, hal. 5.
- ⁹ Penjelasan lanjut sila lihat "CIA-The World Factbook-Brunei", dalam <http://www.cia.gov/cia/publications/factbook/geos/bx.html>.
- ¹⁰ Nelayan artisanal merupakan nelayan kecil yang menangkap ikan menggunakan peralatan tradisional seperti jala, jaring dan pancing. Nelayan artisanal menjalankan aktiviti perikanan di perairan tidak melebihi tiga batu dari pantai. Bot-bot perikanan yang digunakan bersaiz kecil tidak melebihi 1 GRT dan dilengkapi dengan enjin sangkut berkuasa kuda rendah antara 10 hingga 40 kuasa kuda.
- ¹¹ Untuk keterangan lanjut sila lihat, "Fisheries of the South China Sea: A Review of Available Information", Applied Physics Laboratory,

University of Washington, January 22, 1998, dalam <http://mac-eis.apl.washington.edu>. Lihat juga Mohammad Raduan Mohd. Ariff, Amaluddin Bakeri, "Hubungan Perdagangan Sumber Perikanan Sarawak-Negara Brunei Darussalam", Op. Cit., hal. 125.

¹² "CIA-The World Factbook-Brunei", Op. Cit., hal. 5.

¹³ Mohammad Raduan Mohd. Ariff, Amaluddin Bakeri, Op. Cit., hal. 108.

¹⁴ Peraturan ini dikira berdasarkan jumlah bekalan ikan tempatan dan import Negara Brunei Darussalam pada tahun 1994 yang dilaporkan oleh *Fisheries Department, Ministry of Industry and Primary Resources, Negara Brunei Darussalam*. Lihat juga Mohammad Raduan Mohd. Ariff, Amaluddin Bakeri, Op. Cit., hal. 111.

¹⁵ Mohamed Deli Ahmad, Op. Cit., hal. 50-51.

¹⁶ Untuk mengetahui jenis dan jumlah eksport hasil perikanan dari Sarawak ke Negara Brunei Darussalam pada tahun 1999 sila lihat, **Perangkaan Tahunan Perikanan 1999**, Jabatan Perikanan Laut Sarawak, Kementerian Pertanian Malaysia, Kuching, 1999, hal. 107-128.

¹⁷ Untuk mengetahui jenis dan jumlah eksport hasil pertanian dari Sarawak ke Negara Brunei Darussalam pada tahun 1999 sila lihat, **Sarawak: Perangkaan Perdagangan Luar Negeri 1999**, Jabatan Perangkaan Malaysia Cawangan Sarawak, Kuching, Oktober 2000, hal. 82.

¹⁸ Temubual dengan En. Joseph Voon. Ketua, Jabatan Imigresen Sarawak, Bahagian Limbang. Temubual diadakan di pejabat beliau pada 15 Mac 2000, jam 11.30 pagi.

¹⁹ Ibid.

²⁰ Sila lihat "Stesen Kastam Tedungan: Data Keluar/Masuk Kereta Tahun 1994-1998", Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia, Bahagian Limbang, Sarawak, 2000.

²¹ Ibid.

²² Untuk penjelasan lanjut sila lihat Mohammad Raduan Mohd. Ariff, "Petempatan Kampung Air di Pulau Borneo: Satu Kajian Perbandingan", Laporan Penyelidikan, Akademik Pengajian Brunei,

Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam, November 1998, hal. 84.

²³ "Fisheries of the South China Sea", Op. Cit., hal. 30.

²⁴ Ibid., hal. 31.

²⁵ Ikan 'demersel' merupakan ikan yang hidup di bawah garisan *thermocline* seperti ikan kerisi, temenggong, ikan campur, sotong biji nangka, merah, jebong, barat-barat, gerut-gerut, kerisi bali, duri, timah, rambai/cermin, pari, mengkarong dan lain-lain. Penjelasan lanjut sila lihat Mohammad Raduan Mohd. Ariff, "Perkembangan Industri Perikanan di Johor 1970-1997", Kertas Kerja yang telah dibentangkan di Seminar Sejarah dan Budaya Johor Tahun 2000, pada 03 hingga 06 Mei 2000, di Johor Bahru.

²⁶ Ikan 'pelagik' merupakan ikan yang hidup di atas garisan *thermocline* seperti ikan selar, demudok, alu-alu, selayang, tenggiri, aji-aji, kembong, parang, selayang kuning, betung dan lain-lain. Penjelasan lanjut sila lihat, Mohammad Raduan Mohd. Ariff, "Ikan Sebagai Sumber Perdagangan", Kertas Kerja yang telah dibentangkan di Seminar Maritim Warisan Negeri Terengganu, pada 01 hingga 02 September 1999, di Kuala Terengganu.

²⁷ Maklumat lanjut tentang jumlah muatan bot-bot nelayan di daerah Limbang sila rujuk, **Perangkaan Tahunan Perikanan 1999, Op. Cit.**, hal. 54.

²⁸ Maklumat tentang harga bot diperoleh melalui temubual dengan En. Rosli Ramli. Beliau adalah penduduk tetap KSK. Pada masa kini beliau bekerja sebagai pembuat bot sepenuh masa di kampung air tersebut. Beliau juga mengusahakan bot tambang secara sambilan. Temubual diadakan di bengkel membuat bot milik beliau pada 09 Mac 2000, jam 10.30 pagi.

²⁹ Untuk mengetahui kuasa kuda enjin yang dipasang pada bot-bot nelayan di daerah Limbang sila rujuk, **Perangkaan Tahunan Perikanan 1999, Op. Cit.**, hal. 54.

³⁰ Temubual dengan En. Abd. Rahman Hamdan. Ketua, Jabatan Perikanan Laut Sarawak, Bahagian Limbang. Temubual diadakan di pejabat beliau pada 07 Mac 2000, jam 10.30 pagi.

³¹ Untuk mengetahui senarai penjual jentera laut di Sarawak sila lihat, **Jabatan Perikanan Malaysia: Panduan Perusahaan Perikanan**

Sarawak, Jabatan Perikanan Laut Sarawak, Kementerian Pertanian Malaysia, 1999, hal. 40-42.

³² Temubual dengan En. Abd. Rahman Hamdan, Op. Cit.

³³ Maklumat lanjut tentang pendaratan ikan laut mengikut daerah dan kumpulan perkakas di Sarawak pada tahun 1999 sila lihat, **Perangkaan Tahunan Perikanan 1999, Op. Cit., hal. 60.**

³⁴ Berdasarkan pemerhatian terdapat ramai peraih-peraih dari KABD yang membeli ikan di tengah laut. Peraih-peraih dari KABD yang membeli ikan dari nelayan-nelayan di KSK antaranya termasuklah, Hj. Brahim Tengah, Hj. Mail Hj. Brahim, Hj. Tahir Ajak, Hj. Yusuf Omar dan Hj. Bakir Abdullah.

³⁵ Untuk mengetahui senarai penjual pukot dan peralatan perikanan di Sarawak sila lihat, **Jabatan Perikanan Malaysia: Panduan Perusahaan Perikanan Sarawak, Op. Cit., hal. 36-39.**

³⁶ **Ibid., hal. 20.**

³⁷ Temubual dengan Hj. Tahir Simin. Beliau adalah penduduk tetap KSK. Pada masa kini beliau bekerja sebagai peniaga ikan di Pasar Tamu Limbang. Beliau juga menjalankan aktiviti menangkap ikan secara sambilan. Temubual diadakan di gerai menjual ikan milik beliau pada 26 Februari 2000, jam 3.00 petang.

³⁸ Temubual dengan En. Zaini Ariff. Beliau merupakan penduduk tetap KSK. Pada masa kini beliau bekerja sebagai nelayan sepenuh masa. Temubual diadakan di atas perahu semasa pengkaji mengikut beliau turun menangkap ikan di laut pada 16 April 2001, jam 9.00 pagi.

³⁹ **Ibid.**

⁴⁰ Ikan campur terdiri daripada jenis ikan utek, gelama, sembilang, pari, kerisi, beliak mata, kebasi, lumi-lumi, kikek dan lain-lain jenis ikan.

⁴¹ Sila lihat "Laporan SMPP November 1999", Jabatan Perikanan Laut Sarawak, Bahagian Limbang, 1999.

⁴² Untuk keterangan lanjut sila lihat State of Negara Brunei Darussalam, **Annual Report 1975**, State Secretariat Information Section, Negara Brunei Darussalam, hal. 99. (Tiada tarikh diterbitkan)

⁴³ Bangunan Pasar Limbang terletak di Jalan Tarap, Bandar Limbang. Pasar ini merupakan pasar kedua terbesar di Bandar

tersebut. Kebanyakan peniaga di Bangunan Pasar Limbang terdiri daripada orang-orang Cina.

⁴⁴ Temubual dengan En. Suhaili Hj. Ahmad. Beliau adalah penduduk tetap KSK. Pada masa kini beliau bekerja sebagai Pegawai Penguasa Majlis Daerah Limbang. Beliau juga melakukan aktiviti menangkap ikan secara sambilan. Temubual diadakan di rumah beliau pada 21 April 2001, jam 3.00 petang.

⁴⁵ Maklumat lanjut tentang bilangan peniaga di Pasar Tamu Limbang sila rujuk, "Fail Bangunan Tamu Limbang", Majlis Daerah Limbang, Limbang, 2001.

⁴⁶ Ibid.

⁴⁷ Temubual dengan En. Suhaili Hj. Mat Jais. Beliau adalah penduduk tetap KSK. Pada masa kini beliau bekerja sebagai peniaga ikan sepenuh masa di Pasar Tamu Limbang. Temubual diadakan di gerai menjual ikan milik beliau pada 18 April 2001, jam 10.30 pagi.

⁴⁸ Temubual dengan Hj. Japar Tamit. Beliau adalah penduduk tetap KSK. Pada masa kini beliau bekerja sebagai peniaga ikan sepenuh masa di Pasar Tamu Limbang. Temubual diadakan di gerai milik beliau pada 28 April 2001, jam 9.30 pagi.

⁴⁹ Temubual dengan En. Nanang Lumpat. Penguasa Kastam, Stesen Kastam Tedungan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia Bahagian Limbang. Temubual diadakan di pejabat beliau pada 02 Mac 2000, jam 11.00 pagi.

⁵⁰ Hari Jumaat merupakan 'hari tamu' bagi masyarakat di daerah Limbang dan juga di Negara Brunei Darussalam. Pada 'hari tamu' urusan jual beli adalah di peringkat maksima di mana kesemua peniaga sepenuh masa atau sambilan akan menjalankan perniagaan pada hari tersebut. Peniaga-peniaga yang beroperasi pada 'hari tamu' bukan sahaja terdiri daripada orang-orang tempatan malah datang dari daerah-daerah lain khususnya daerah Lawas. Pelbagai jenis barangan pasar terutamanya makanan kegemaran orang-orang Melayu Brunei seperti 'tahi', 'liking', 'ambuyat', 'sayur lamiding' dan lain-lain akan diniagakan dalam jumlah yang banyak oleh peniaga-peniaga tersebut. Ini kerana pada 'hari tamu' sebilangan besar pengguna dan peraih dari Negara Brunei Darussalam akan datang untuk membeli-belah di Pasar Tamu Limbang.

- ⁵¹ Sila lihat Lampiran 5 untuk mengetahui beberapa perkataan yang biasa digunakan dalam bahasa seharian orang-orang Melayu Brunei.
- ⁵² Temubual dengan Hj. Unting Pasang. Beliau adalah penduduk kampung air Kampung Baru Berawan, Limbang. Pada masa kini beliau bekerja sebagai peniaga ikan sepenuh masa di Pasar Tamu Limbang. Temubual diadakan di sebuah gerai makan dan minum di Pasar Tamu Limbang pada 01 Mei 2001, jam 9.40 pagi.
- ⁵³ Mohammad Raduan Mohd Ariff, "Petempatan Kampung Air di Pulau Borneo", Op. Cit., hal. 105.
- ⁵⁴ Temubual dengan En. Ahmad Hj. Abdullah. Beliau adalah Ketua Pegawai Penguatkuasa Cawangan, Bahagian Penguatkuasa Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Limbang. Temubual diadakan di pejabat beliau pada 16 April 2001, jam 2.30 petang.
- ⁵⁵ Temubual dengan En. Jasini Hj. Mat Jais. Beliau adalah penduduk tetap KSK. Pada masa kini beliau bekerja sebagai Pemandu Kenderaan Bermotor di Jabatan Kerja Raya (JKR) Limbang. Beliau juga melakukan aktiviti menangkap ikan secara sambilan. Temubual diadakan di rumah beliau pada 08 April 2001, jam 5.30 petang.
- ⁵⁶ Untuk mengetahui jenis-jenis pekerjaan yang dilakukan oleh penduduk KABD, sila lihat Jabatan Daerah Brunei dan Muara, "Pengenalan: Mukim Kampong Ayer Brunei Darussalam", dalam Abdul Latif Ibrahim (ed.), **Kampong Ayer: Warisan, Cabaran dan Masa Depan (Kumpulan Esei Yang Pernah Diterbitkan 1970-1996)**, Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam, 1996, hal. 2.
- ⁵⁷ Temubual dengan En. Razali Hj. Ibrahim. Beliau adalah penduduk tetap KSK. Pada masa kini beliau bekerja sebagai Pembantu Am Rendah di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja Malaysia, Bahagian Limbang. Beliau juga melakukan aktiviti menangkap ikan secara sambilan. Temubual diadakan di rumah beliau pada 24 April 2001, jam 6.00 petang.
- ⁵⁸ Sila lihat "Profail Daerah Limbang Negeri Sarawak", Pejabat Daerah Limbang, Limbang, 2000, hal. 20-23.
- ⁵⁹ Ibid.

⁶⁰ Semua maklumat dalam perenggan ini diperolehi melalui kaedah pemerhatian dan pengiraan pengkaji sendiri semasa menjalankan kajian lapangan di Bandar Limbang. Maklumat turut diperolehi hasil temubual pengkaji dengan beberapa orang pengguna-pengguna dari Negara Brunei Darussalam, pengusaha-pengusaha penukar wang, kedai emas dan penduduk tempatan.

⁶¹ Bank dan syarikat kewangan yang beroperasi di Bandar Limbang terdiri daripada *Malayan Banking*, *EON Bank*, Bank Pertanian, *Hock Hua Bank*, Bank Simpanan Nasional, *Public Bank*, *Delta Finance*, *Mayban Finance*, *Chew Geok Lin Finance* dan *Malaysia Borneo Finance*.

⁶² Temubual dengan En. Khamis Bakar. Beliau adalah penduduk tetap KSK. Pada masa kini beliau bekerja sebagai pengusaha bot tambang sepenuh masa. Beliau juga menjalankan aktiviti menangkap ikan secara sambilan. Temubual diadakan di jeti hadapan rumah beliau pada 04 Mac 2000, jam 11.30 pagi.

⁶³ Temubual dengan En. Rusli Bakar. Beliau adalah penduduk tetap KSK. Pada masa kini beliau bekerja sebagai pembuat bot sepenuh masa di kampung air tersebut. Beliau juga membuat kerja-kerja bertukang rumah secara sambilan. Temubual diadakan di bengkel membuat perahu dan bot milik beliau pada 06 Mac 2000, jam 9.00 pagi.

⁶⁴ Temubual dengan En. Khamis Bakar. Op. Cit.

⁶⁵ Temubual dengan Pengiran Kudah Tangah. Beliau adalah penduduk kampung air Kampung Pemukat daerah Limbang. Pada masa kini beliau bekerja sebagai pengusaha tanaman kelapa. Beliau juga menjalankan aktiviti menambang bot secara sambilan. Temubual diadakan di Jeti Pasar Tamu Limbang, pada 28 Februari 2000, jam 9.00 pagi.

⁶⁶ Tukang-tukang bot di KSK membeli bahan binaan membuat bot seperti kayu beluti dan papan dari kilang-kilang papan yang beroperasi di Bandar Limbang. Bahan-bahan lain seperti paku, skru, gam kayu dan cat pula dibeli dari kedai-kedai *hardware* di Bandar Limbang, antaranya termasuklah *A Machinery & Hardware*, *Ming Hock Enterprise Company* dan *Syarikat Hen Yii*.

⁶⁷ Temubual dengan En. Rosli Ramli. Op. Cit.

⁶⁸ Temubual dengan En. Zaini Ariff, Op. Cit. En. Zaini Ariff juga merupakan seorang pembuat bot secara sambilan di KSK. Temubual diadakan di rumah beliau pada 26 April 2001, jam 8.00 malam.

⁶⁹ Secara purata, jarak kebun dari KSK adalah kira-kira 20 minit perjalanan dengan menggunakan bot berenjin sangkut. Kebiasaannya semasa para pekebun tiba di tebing sungai berhampiran kebun mereka, bot yang digunakan akan ditambat pada kayu pancang. Kayu pancang tersebut dipacak oleh pekebun-pekebun berkenaan untuk kemudahan menambat bot mereka setiap kali ke kebun. Dari tebing sungai para pekebun berjalan kaki menuju ke kebun masing-masing.

⁷⁰ Temubual dengan En. Jaya Timbang. Beliau adalah penduduk tetap KSK. Pada masa kini beliau bekerja sebagai pekebun sayur-sayuran sepenuh masa. Beliau juga menjalankan perniagaan barang-barang hasil kampung secara sambilan di Pasar Tamu Limbang. Temubual diadakan di rumah beliau pada 17 Mac 2000, jam 3.00 petang.